

## **BAB 4**

### **DAPATAN DAN PERBINCANGAN**

#### **4.1 Pengenalan**

Perkara pokok yang dikemukakan dalam bab ini ialah analisis dapatan dan perbincangan yang bertujuan untuk memaparkan tentang penggunaan, penguasaan dan pola bahasa Jawa di kawasan kajian. Selain itu, topik berkaitan fenomena penggunaan dan faktor berlakunya fenomena penggunaan bahasa Jawa di kawasan kajian juga turut dikemukakan.

#### **4.2 Dapatan Kajian dan Perbincangan**

Dapatan kajian diperoleh melalui empat generasi (G) yang mewakili setiap keluarga (K) yang dikenalpasti sebagai informan kajian ini setelah memenuhi kriteria pilihan yang telah ditetapkan dalam Bab 3. Butiran maklumat demografi informan mengikut gender disertakan dalam Jadual 3.3 halaman 76 dan maklumat demografi informan bagi setiap keluarga disertakan di Lampiran 4.

Seramai 47 orang informan telah melengkapkan borang soal selidik dan selebihnya seramai 53 orang informan yang tidak dapat melengkapkan borang soal selidik tersebut telah melalui sesi temu bual. Dalam analisis dapatan, mereka ditandai dengan:

GI hingga GIV merujuk kepada Generasi 1 hingga Generasi 4

K1 hingga K10 merujuk kepada Keluarga 1 hingga Keluarga 10

Dapatan yang terkumpul terdiri daripada penggunaan ungkapan memohon maaf, bahasa kiasan berserta ungkapan doa dan lafaz niat, ayat dan perbendaharaan kata.

Analisis dapatan yang dilakukan untuk kajian ini akan melibatkan proses mengkategorikan sesuatu data ke dalam kelompok masing-masing, di samping mengenal pasti penggunaan bentuk-bentuk tatatingkat bahasa Jawa. Pengenalpastian tatatingkat ini dilakukan ke atas kesemua data berpandukan empat buah kamus, iaitu:

- 1 **Kamus Bausastra Jawa-Indonesia** (1980), Jilid 1 dan Jilid 2
- 2 **Kamus Lengkap Bahasa Jawa: Jawa-Jawa, Jawa-Indonesia, Indonesia-Jawa** (2006)
- 3 **Kamus Lengkap Bahasa Jawa: Jawa-Indonesia, Indonesia-Jawa** (2008)
- 4 **Kamus Unggah-ungguh Basa Jawa** (2001)

Di samping itu, buku-buku yang diiktiraf oleh Bahagian Kurikulum Berbasis Kompetensi untuk teks peringkat sekolah dasar (sekolah rendah), sekolah lanjutan (sekolah menengah), madrasah dan umum di Indonesia juga digunakan sebagai rujukan untuk kajian ini, iaitu:

- 1 **Buku Pinter Basa Jawa** (1992)
- 2 **Sari-sari Basa Jawi Pepak** (1990)
- 3 **Sapala Basa Jawa** (2005)
- 4 **Pepak Basa Jawa Enggal** (1996)

Merujuk **Kamus Lengkap Bahasa Jawa** (2006 & 2008), bahasa Jawa bentuk krama (k) ini terbahagi kepada tiga kategori bahasa Jawa, iaitu bentuk krama inggil (ki), bentuk krama inggil-krama (ki, k) dan bentuk krama (k). Hasil penelitian data, pengkategorian ini perlu dibuat kerana didapati berlakunya kecenderungan masyarakat di kampung kajian menggunakan atau menyelitkan ketiga-tiga entiti bahasa Jawa bentuk krama ini dalam pertuturan sehari-hari mereka.

Istilah bahasa Jawa bentuk krama-ngoko (k, ng) ini dipetik berpandukan **Kamus Lengkap Bahasa Jawa** (2006 & 2008). Istilah krama-ngoko ini juga ada diterangkan dalam **Kamus Unggah-ungguh Basa Jawa** (2001), iaitu tēmbung krama-ngoko (kn) yang bermaksud kata krama-ngoko, kata yang krama dan ngokonya sama. Menurut **Kamus Unggah-ungguh Basa Jawa** (2001), bahasa Jawa ngoko (ng) pula digunakan untuk berkomunikasi dengan orang yang sudah biasa serta yang dianggap sesama atau satu strata sosial.

#### 4.2.1 Ungkapan Memohon Maaf (*Badhan*)

Penggunaan ungkapan memohon maaf hanya berlaku ketika menyambut Hari Raya Aidilfitri atau dalam bulan Syawal. Di kawasan kajian, memohon maaf ketika Hari Raya Aidilfitri ini juga lebih dikenali dengan istilah *badhan*. Justeru, upacara memohon maaf ini jika berlaku di luar bulan Syawal, maka ini tidak lagi dikatakan *badhan*. Tujuan *badhan* hanyalah untuk memohon maaf bersempena menyambut Hari Raya Aidilfitri.

Dari segi bahasa, perkataan *badhan* bermaksud memohon maaf yang disertai dengan penggunaan ungkapan atau kata-kata khusus dalam bahasa Jawa. Merujuk **Kamus Bausastra Jawa-Indonesia** (1981), perkataan *badhan* berasal dari perkataan *bada* atau *bakda* daripada bentuk bahasa Jawa ngoko (ng) yang bermaksud [lebaran] atau [hari raya idulfitri]. Dalam kamus ini juga mencatatkan perkataan *badha* yang bermaksud [sama]. Oleh kerana itu, perkataan *badhan* terbentuk kerana adanya kecenderungan penggunaan sufiks [-an] dalam bahasa Jawa yang akhirnya terbentuklah perkataan *badha* + *an* membentuk *badhaan*. Namun berlaku secara evolusi, perkataan *badhaan* ini telah bertukar sebutannya menjadi

lebih ringkas dan mudah oleh masyarakat di kawasan kajian yang akhirnya menjadi *badhan* sahaja. Istilah *badhan* akan digunakan dalam tesis ini.

Semasa upacara *badhan*, peserta akan menuturkan *badhan* dengan nada yang rendah dan suara agak perlahan, sekira-kira dapat didengari oleh pasangan *badhannya*. Ketika *badhan*, kedua-dua peserta akan menundukkan sedikit kepala masing-masing sambil duduk bertimpuh atau bersila dengan penuh tertib. Bagi upacara *badhan* yang berlangsung antara dua peserta berlainan gender bukan muhrim, mereka tidak akan bersalaman, tetapi keduanya akan duduk bersetentangan pada jarak lebih kurang 1 meter. Rajah 4.1, 4.2 dan 4.3 berikut menggambarkan bagaimana upacara *badhan* ini berlangsung. Bagi masyarakat di kawasan kajian, *badhan* merupakan perkara yang wajib dilakukan apabila berkunjung ke rumah ibu bapa, sanak-saudara dan handai-taulan apabila menjelang Syawal. Justeru, bagi mereka yang memahami erti sebenar *badhan*, kunjungan mereka ke rumah ibu bapa, sanak-saudara dan handai-taulan, ketika Hari Raya Aidilfitri tidak akan sempurna sekiranya *badhan* tidak dapat dilakukan.



Rajah 4.1 Upacara *badhan* antara sesama gender



Rajah 4.2 Upacara *badhan* antara berlainan gender



**Rajah 4.3 Upacara *badhan* bersama anggota keluarga**

Upacara *badhan* bagi sesebuah keluarga biasanya dilakukan pada pagi hari raya pertama, iaitu selepas anggota keluarga yang lelaki balik dari menuaikan sembahyang sunat hari raya di masjid. Biasanya semua anggota keluarga akan duduk berkumpul beramai-ramai, membentuk satu bulatan. Sebelum upacara *badhan*, mereka akan mengadakan tahlil ringkas khusus untuk ahli keluarga yang telah tiada. Setelah selesai, barulah upacara *badhan* dilakukan, dimulai dengan kakak atau abang yang sulung *badhan* bersama ibu dan bapa, diikuti oleh adik-beradik yang lain dan ahli keluarga masing-masing sehingga selesai. Sekiranya datuk dan nenek masih ada, semua anggota keluarga akan pergi ke rumah datuk dan nenek mereka untuk berhari raya bersama-sama dan yang lebih penting ialah untuk melaksanakan *badhan* bersama-sama datuk dan nenek serta bersama ahli keluarga yang lain.

Oleh kerana sebahagian besar masyarakat kawasan kajian mempunyai hubungan kekeluargaan yang rapat antara satu sama lain, maka ungkapan ini juga dipraktikkan oleh sebahagian informan GI lain daripada kumpulan keluarga informan yang lain juga. Berikut

adalah contoh *badhan* yang dilafazkan oleh informan daripada GI dan ungkapan balas atau jawapan untuk *badhan*.

### (a) Contoh: *Badhan GIK1*

Berikut adalah contoh *badhan* yang dilafazkan oleh informan utama, iaitu GI daripada keluarga 1 (K1) kajian ini:

(i) <i>Kula</i> Saya	<i>nuwun</i> datang	<i>ngaturaken</i> memohon	<i>sedhaya</i> segala	<i>kelepatan</i> ampun	<i>kula</i> saya	<i>kalih</i> dengan
<i>sampéyan</i> awak	<i>seng/sing</i> yang	<i>kathah-kathah</i> banyak-banyak		<i>lahir batin awal akhir</i>		
<i>lampah</i> langkah	<i>kula</i> saya	<i>setindak</i> tingkah-laku	<i>wiraos</i> rasa	<i>kula</i> saya	<i>sekelimah kang(ingkang)</i> tutur kata yang	
<i>mboten</i> tidak	<i>angsal</i> dapat	<i>lidhi</i> lidi	<i>neng</i> diam	<i>sarak</i> jahat	<i>mugi</i> semoga	<i>Allah Taala</i> Allah Taala
<i>lebura</i> mengampunkan	<i>dusa</i> dosa	<i>kula</i> saya	<i>lan</i> dan	<i>dusa</i> dosa	<i>sampéyan</i> awak	<i>samporna</i> bersempena
<i>sedinten</i> satu hari		<i>ari adhén (riadin)</i> hari raya				

“*Kula nuwun ngaturaken sedhaya kelepatan kula kalih sampéyan seng kathah-kathah, lahir batin awal akhir, lampah kula setindak wiraos kula sekelimah kang mboten angsal lidhi neng sarak mugi Allah Taala lebura dusa kula lan dusa sampéyan samporna sedinten ari adhén (riadin).*”

Maksudnya:

[Saya memohon berbanyak-banyak ampun dan maaf zahir batin atas segala salah dan silap saya dengan tuan/puan/abang/kakak, baik tutur kata mahupun tingkah-laku saya yang tidak disengajakan walau sebesar mana sekalipun semoga Allah Taala mengampunkan dosa saya dan dosa tuan/puan/abang/kakak bersempena hari raya ini.]

### **(b) Contoh Ungkapan Balas untuk *Badhan***

Ungkapan memohon maaf ini biasanya akan disambut atau dibalas mengikut kemahiran dan kebiasaan masing-masing. Berikut adalah contoh jawapan yang diberikan oleh informan 1, GI daripada keluarga 8 (K8) kajian ini.

#### **Contoh Balas 1: GIK8**

Jawab 1 Sami-sami *kula inggih semonten mugi kalih sampéyan*  
Sama-sama Saya ya sebanyak itu semoga dengan awak  
*seng/sing kathah-kathah lahir batin awal akhir*  
yang banyak-banyak zahir batin

“*Sami-sami. Kula inggih semonten mugi kalih sampéyan seng kathah-kathah, lahir batin awal akhir.*”

Bermaksud:

[Sama-sama. Ya, saya pun begitu juga memohon berbanyak-banyak ampun dan maaf zahir batin dengan tuan/puan/abang/kakak.]

Informan di kawasan kajian juga adakalanya menuturkan ungkapan berikut sebagai menyambut *badhan* untuk ayat pembukaan mereka:

#### **Contoh Balas 2: GIK4**

Jawab 2 *kula inggih semonten mugi kalih sampéyan*  
Saya ya sebanyak itu semoga dengan awak  
*seng/sing kathah-kathah lahir batin awal akhir*  
yang banyak-banyak zahir batin

“*Kula inggih semonten mugi kalih sampéyan seng kathah-kathah, lahir batin awal akhir.*”

Bermaksud:

[Ya, saya pun begitu juga memohon berbanyak-banyak ampun dan maaf zahir batin dengan tuan/puan/abang/kakak.]

Berdasarkan contoh-contoh di atas, data yang dikumpul menunjukkan informan dari generasi GII, GIII dan GIV biasanya menyambut *badhan* dengan ungkapan yang ringkas sebagaimana yang berikut.

**Contoh Balas 3:**

Jawab 3    *Ya*      *seng/sing*      *padha-padha*  
                *Ya*      *yang*                      *sama-sama*

“*Ya, seng padha-padha.*”

Bermaksud:

[*Ya, sama-sama.*]

Biasanya GIV akan menyambutnya dengan ringkas dan hampir sama seperti jawapan oleh GIII yang kadang-kala akan disertai dengan gelak ketawa oleh kedua-dua peserta *badhan*.

**Contoh Balas 4:**

Jawab 4      *Padha-padha*  
                    Sama-sama

“*Padha-padha.*”

Bermaksud:

[*Sama-sama.*]

Walaupun ungkapan *badhan* bagi setiap generasi berbeza, namun tujuannya tetap sama, iaitu untuk memohon maaf yang hanya berlaku dalam bulan Syawal. Sesudah itu mereka akan meraikan Hari Raya Aidilfitri bersama-sama dalam suasana kekeluargaan yang harmoni.

Berdasarkan contoh-contoh *badhan* daripada setiap generasi (GI, GII, GIII dan GIV) analisis menunjukkan bahawa dalam ungkapan *badhan* tersebut banyak melibatkan penggunaan perkataan yang dipetik daripada bahasa Jawa bentuk krama inggil (ki) dan krama (k). Namun, penggunaan bentuk krama inggil (ki) nampaknya sudah berkurangan berbanding penggunaan bentuk krama (k) yang masih digunakan oleh penutur GIII dan GIV sebagaimana yang ditunjukkan dalam Jadual 4.1, 4.2, 4.3 dan 4.4.

**Jadual 4.1 Ungkapan *badhan* daripada GI (Informan 1)**

AYAT	BAHASA JAWA				Lain-lain	Bahasa Melayu (m)
	krama inggil (ki)	krama (k)	krama-ngoko (k, ng)	ngoko (ng)		
“Kula nuwun ngaturaken sedhaya kelepatan kula kalih sampéyan seng kathah-kathah, lahir batin awal akhir, lampah kula setindak wiraos kula sekelimah kang mboten angsal lidhi neng sarak mugi Allah Taala lebura dusa kula lan dusa sampéyan samporna sedinten ari adhén (riadin).”		kula				
<i>Bermaksud:</i>	nuwun					
[Saya datang memohon berbanyak-banyak ampun dan maaf zahir batin atas segala salah dan silap di antara saya dan tuan/puan/abang/kakak, baik tutur kata mahupun tingkah-laku saya walau sebesar mana sekalipun semoga Allah Taala mengampunkan dosa saya bersempena hari raya ini.]			ngaturaken			
		sedhaya				
		kelepatan				
		kalih				
		sampéyan				
				seng/sing		
		kathah-kathah				lahir batin awal akhir
	setindak	lampah				
		wiraos			sekelimah (Ar)	
					kang (I)	
		mboten angsal			lidhi neng (kw)	
			sarak			
		mugi			Allah taala (Ar)	
					lebura (kw)	
					dusa (Jk)	
				lan		
					samporna/ sampurna (S)	
		sedinten/sedanten			ari (kw)	
		adhén (riadin)				
<b>JUMLAH :</b>	<b>35</b>	<b>2</b>	<b>15</b>	<b>2</b>	<b>2</b>	<b>10</b>
						<b>4</b>

#### Jadual 4.2 Ungkapan *badhan* daripada GII (Informan 4)

AYAT	BAHASA JAWA				Lain-lain	Bahasa Melayu (m)
	krama inggil (ki)	krama (k)	krama-ngoko (k, ng)	ngoko (ng)		
“Kula nuwun ngaturaken sedhaya kelepatan kula kalih sampéyan seng kathah-kathah, lahir batin awal akhir.”	nuwun	kula				
			ngaturaken			
		sedhaya				
		kelepatan				
		kalih				
		sampéyan				
		kathah-kathah		seng		lahir batin awal akhir
<b>JUMLAH :</b> 13	<b>1</b>	<b>6</b>	<b>1</b>	<b>1</b>	<b>0</b>	<b>4</b>

#### Jadual 4.3 Ungkapan *badhan* daripada GIII (Informan 1)


AYAT	BAHASA JAWA				Lain-lain	Bahasa Melayu (m)
	krama inggil (ki)	krama (k)	krama-ngoko (k, ng)	ngoko (ng)		
“Keluputanku yu/wak/lik seng kathah-kathah lahir batin awal akhir.”		keluputan				
				ku		
				yu		
				wak		
				lik		
		kathah-kathah		seng		lahir batin awal akhir
<b>JUMLAH:</b> 11	<b>0</b>	<b>2</b>	<b>0</b>	<b>5</b>	<b>0</b>	<b>4</b>

#### Jadual 4.4 Ungkapan *badhan* daripada GIV (Informan 3)

AYAT	BAHASA JAWA				Lain-lain	Bahasa Melayu (m)
	krama inggil (ki)	krama (k)	krama-ngoko (k, ng)	ngoko (ng)		
“Keluputanku embah seng akèh-akèh lahir batin awal akhir.”		keluputan				
				ku (aku)		
				embah		
				seng		
				akèh-akèh		lahir batin awal akhir
<b>JUMLAH:</b> 9	<b>0</b>	<b>1</b>	<b>0</b>	<b>4</b>	<b>0</b>	<b>4</b>

Dapatan analisis tersebut menjelaskan bahawa dalam ungkapan *badhan*, selain terdapatnya penggunaan bentuk-bentuk bahasa Jawa, terdapat juga penggunaan beberapa perkataan asing seperti bahasa Arab (Ar), Sanskrit (S), Kawi (Kw), Jawa kuna (Jk), Indonesia (I) dan bahasa Melayu (m).

Rajah 4.4 halaman 94 tersebut menunjukkan dengan jelas penyusutan penggunaan bahasa Jawa yang berlaku pada setiap generasi, iaitu daripada jumlah sebanyak 35 patah perkataan dalam ungkapan *badhan* GI, hanya tinggal 9 patah perkataan dalam ungkapan *badhan* GIV. Perkataan bahasa Jawa bentuk krama inggil (ki) juga sudah tidak hadir dalam ungkapan *badhan* GIII dan GIV sebagaimana yang ditunjukkan dalam Jadual 4.5 halaman 96.



#### Jadual 4.5 Penggunaan bahasa Jawa dan bahasa lain dalam ungkapan *badhan*

GENERASI	BAHASA JAWA				Melayu (m)	lain-lain	Jumlah perkataan
	krama inggil (ki)	krama (k)	krama-ngoko (k, ng)	ngoko (ng)			
GI	2	15	2	2	4	10	35
GII	1	6	1	1	4	0	15
GIII	0	2	0	5	4	0	11
GIV	0	1	0	4	4	0	9

Berdasarkan Jadual 4.5 di atas, hanya terdapat dua perkataan bentuk krama (k) dalam ungkapan memohon maaf atau ungkapan *badhan* oleh informan 1 GIII dan hanya satu perkataan bentuk krama (k) hadir dalam ungkapan *badhan* oleh infroman 3 GIV, iaitu:

- 1 *kelepatan* atau *kaluputan* atau *keluputan* (k) yang bermaksud [ampun dan maaf atas kesalahan],
- 2 *kathah* (k) yang bermaksud [banyak] atau *kathah-kathah* (k) yang bermaksud [banyak-banyak].

Berdasarkan Jadual 4.2 (halaman 94), ungkapan *badhan* daripada informan 4 GII lebih ringkas berbanding ungkapan *badhan* oleh informan utama dari GI yang lebih panjang dan kompleks seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4.1 (halaman 93). Ungkapan *badhan* GII ini jelas menunjukkan berlakunya penyusutan, bukan sahaja dari segi jumlah perkataan tetapi juga dari segi jumlah kepelbagaiannya yang digunakan seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4.5 di atas. Jumlah perkataan menyusut dari 35 patah perkataan bagi GI kepada 15 patah perkataan bagi GII. Jadual ini juga menunjukkan penyusutan penggunaan perkataan bentuk krama (k), iaitu 15 perkataan dalam ungkapan *badhan* GI dan 6 perkataan dalam ungkapan *badhan* GII.

Analisis mendapati bahawa perkataan *kula* hadir pada ungkapan *badhan* informan GI, GII, GIII dan GIV yang bermaksud [saya] atau [aku]. Frasa “*kula nuwun*” atau “*kula nyuwun*” pula diumpamakan maksudnya seperti ‘memberi salam’ kerana ia adalah kata-kata pembuka bicara atau pembuka kata yang dianggap sopan dan tertib, terutama apabila *badhan* bersama orang yang lebih tua pangkatnya.

#### **4.2.2 Bahasa Kiasan, Doa dan Lafaz Niat**

Bahasa kiasan, doa dan lafaz niat adalah antara dapatan yang diperolehi dalam kajian ini. Bahasa kiasan terdiri daripada empat kategori, iaitu peribahasa, simpulan bahasa, perumpamaan dan pantun. Kajian ini juga telah memperolehi sebanyak empat jenis doa dan satu ungkapan lafaz niat berpuasa. Doa-doa tersebut ialah dua jenis doa dibaca sebelum tidur, doa untuk dapat bangun sebagaimana yang dimahukan, doa apabila ada kanak-kanak bersin dan doa untuk kesejahteraan si mati. Lafaz niat yang diperolehi pula ialah ungkapan lafaz niat berpuasa. Jadual 4.6 berikut menunjukkan sebanyak 92 bahasa kiasan berserta doa dan ungkapan lafaz niat telah dapat dikumpul.

**Jadual 4.6 Koleksi bahasa kiasan berserta doa dan ungkapan lafaz niat informan**

KATEGORI DAPATAN	JENIS DAPATAN	GENERASI				JUMLAH
		GI	GII	GIII	GIV	
(a) Bahasa Kiasan	(i) Peribahasa	6	7	5	4	22
	(ii) Simpulan Bahasa	12	5	3	1	21
	(iii) Perumpamaan	9	11	6	4	30
	(iv) Pantun	5	6	1	1	13
(b) Doa	(i) Doa sebelum tidur	2	0	0	0	2
	(ii) Doa untuk dapat bangun daripada tidur pada waktu yang dimahukan	1	0	0	0	1
	(iii) Doa apabila melihat kanak-kanak bersin	1	0	0	0	1
	(iv) Doa untuk kesejahteraan si mati	1	0	0	0	1
(c) Lafaz niat	(i) Lafaz niat berpuasa	1	0	0	0	1
	JUMLAH	38	29	15	10	92

## (a) Bahasa Kiasan

Sebanyak empat jenis bahasa kiasan dapat dikumpulkan dalam kajian ini yang terdiri daripada peribahasa, simpulan bahasa, perumpamaan dan pantun.

### (i) Peribahasa

Sebanyak 22 peribahasa yang dapat dikumpul dalam kajian ini. Berikut ialah contoh sebahagian daripada peribahasa yang terkumpul, iaitu:

- (i) *Kirang tandang asta kalih tampah ditadahké.*  
Kurang tapak tangan dua nyiru tадahkan

*Kirang tandang asta kalih, tampah ditadahké.*

[Kurang tapak tangan, nyiru saya tадahkan.]

- (ii) *Alon-alon angger kelakon*  
Lambat-lambat asal selamat/jadi/selesai

*Alon-alon angger kelakon.*

[Biar lambat asal selamat/ asal jadi/ selesai.]

- (iii) *Isuk témpé soré dhelé*  
Pagi tempe petang kacang (soya)

*Isuk témpé soré dhelé.*

[Orang yang tidak tetap pendirian.]

- (iv) *Kacang ora ninggal lanjaran*  
Kacang tidak tinggalkan pautan

*Kacang ora ninggal lanjaran.*

[Pada kebiasaananya, anak akan meniru tingkah laku orang tuanya.]

- (v) *Sepuh-sepuh kambil ènten peket santené*  
Tua-tua kelapa ada pekat santannya

*Sepuh-sepuh kambil ènten peket santené.*

[Biarpun tua (kelapa) tapi banyak santannya.]

(vi)	<i>Suk</i>	<i>suk</i>	<i>keblusuk</i>	<i>Ben</i>	<i>ben</i>	<i>gondelan</i>	<i>amben</i>
	Esuk	esuk	terbabas	Nanti	nanti	berpaut	katil

*Suk, suk keblusuk, ben, ben gondelan amben.*

[Kerja bertangguh tidak membuaikan apa-apa hasil.]

Berdasarkan analisis, terdapat penggunaan bahasa Jawa dan bahasa-bahasa lain dalam koleksi dapatan ini seperti dalam ungkapan *badhan*. Namun, sebilangan besar perkataannya tetap menggunakan bahasa Jawa sebagaimana yang ditunjukkan dalam Jadual 4.7 melalui contoh-contoh berikut.

**Jadual 4.7 Penggunaan bahasa Jawa dan bahasa lain dalam peribahasa**

PERIBAHASA	BAHASA JAWA				Lain-lain	Bahasa Melayu (m)
	krama inggil (ki)	krama (k)	krama-ngoko (k, ng)	ngoko (ng)		
(i) <i>Kirang tandang asta kalih, tampah ditadhhaké.</i>	kirang	kalih	tandang			
	asta		tampah			
			ditadhhaké			
(ii) <i>Alon-alon angger kelakon.</i>			alon-alon	anger		
				kelakon		
(iii) <i>Ésuk témpé soré dhelé.</i>			témpé	ésuk		
				soré		
				dhelé		
(iv) <i>Kacang ora ninggal lanjaran.</i>			kacang	ora		
			lanjaran	ninggal		
(v) <i>Sepuh-sepuh kambil ènten peket santené.</i>		sepuh	kambil			
		ènten	santené	peket		
<b>JUMLAH</b>	<b>2</b>	<b>3</b>	<b>9</b>	<b>8</b>	<b>0</b>	<b>0</b>

Berdasarkan analisis daripada lima contoh peribahasa sebagaimana dalam Jadual 4.7 di atas, hanya dua perkataan krama inggil (ki) diperolehi, bentuk krama (k) sebanyak 3, krama-ngoko sebanyak 9, ngoko sebanyak 8, bahasa Melayu dan lain-lain, masing-masing berjumlah 0.

## (ii) Simpulan bahasa

Sebanyak 21 simpulan bahasa yang dapat dikumpul dalam kajian ini. Berikut ialah contoh sebahagian daripada simpulan bahasa yang terkumpul, iaitu:

- (i) *Bening atiné*  
Terang hatinya

*Bening atiné* [berhati mulia]

- (ii) *Padhang dalané*  
Lapang jalannya

*Padhang dalané* [selamat dalam perjalanan]

- (iii) *Dawa tangané*  
Panjang tangannya

*Dawa tangané* [suka mencuri = panjang tangan]

- (iv) *Cilik atiné*  
Kecil hatinya

*Cilik atiné* [penakut]

- (v) *Gedhi endasé*  
Besar kepalanya

*Gedhi endasé* [degil]

Jadual 4.8 halaman 101 berikut menunjukkan bentuk-bentuk perkataan bahasa Jawa yang digunakan dalam simpulan bahasa melalui contoh-contoh yang diberi.

**Jadual 4.8 Penggunaan bahasa Jawa dan bahasa-bahasa lain dalam simpulan bahasa**

SIMPULAN BAHASA	BAHASA JAWA				Lain-lain	Bahasa Melayu (m)
	krama inggil (ki)	krama (k)	krama-ngoko (k, ng)	ngoko (ng)		
(i) <i>Bening atiné</i>				bening		
				atiné		
(ii) <i>Padhang dalané</i>			padhang			
			dalané			
(iii) <i>Dawa tangané</i>			tangané	dawa		
(iv) <i>Cilik atiné</i>				cilik		
(v) <i>Gedhi endasé</i>				gedhi		
				endasé		
<b>JUMLAH</b>	<b>0</b>	<b>0</b>	<b>3</b>	<b>6</b>	<b>0</b>	<b>0</b>

Analisis ke atas lima contoh simpulan bahasa seperti dalam Jadual 4.8 di atas menunjukkan tidak terdapat penggunaan perkataan bentuk krama inggil (ki) dan krama (k). Sebanyak 3 perkataan bentuk krama-ngoko (k, ng) diperolehi, dan diikuti oleh bentuk ngoko (ng). Analisis menunjukkan tiada perkataan bahasa Melayu atau lain-lain bahasa yang diperolehi.

### (iii) Perumpamaan

Sebanyak 30 perumpamaan yang dapat dikumpul dalam kajian ini. Menurut Abdullah Hassan dan Ainan Mohd. (1997), "... perumpamaan ialah perbandingan makna yang sangat jelas kerana ia didahului oleh perkataan seolah-olah, ibarat, bak, seperti, macam, bagai dan umpama." Dalam bahasa Jawa, perkataan-perkataan ini disebut *kaya*. Berikut ialah contoh sebahagian daripada perumpamaan yang terkumpul, iaitu:

- (i) *Lunyu kaya welut*  
Licin seperti belut

*Lunyu kaya welut.* [Licin seperti belut.]

- (ii) *Abot kaya watu*  
Berat seperti batu

*Abot kaya watu.* [Berat seperti batu.]

- (iii) *Banter kaya kilat*  
 Laju seperti kilat

*Banter kaya kilat.* [Cepat seperti kilat.]

- (iv) *Goblog kaya kebo*  
 Bodoh seperti kerbau

*Goblog kaya kebo.* [Bodoh seperti kerbau.]

- (v) *Wedi banyu kaya wedhus*  
 Takut air seperti kambing

*Wedi banyu kaya wedhus.* [Takutkan air seperti kambing.]

- (vi) *Cengas-cengis kaya kethèk*  
 Senyum-senyum seperti monyet

*Cengas-cengis kaya kethèk.* [Tersenyum-senyum seperti monyet.]

- (vii) *Kaya coro ilang buntuté*  
 Seperti lipas hilang ekornya

*Kaya coro ilang buntuté.* [Seperti lipas hilang ekornya.]

Jadual 4.9 berikut menunjukkan bentuk-bentuk perkataan bahasa Jawa yang digunakan dalam perumpamaan melalui contoh-contoh yang diberi.

**Jadual 4.9 Penggunaan bahasa Jawa dan bahasa lain dalam perumpamaan**

PERUMPAMAAN	BAHASA JAWA				Lain-lain	Bahasa Melayu (m)
	krama inggil (ki)	krama (k)	krama-ngoko (k, ng)	ngoko (ng)		
(i) <i>Lunyu kaya welut.</i>			lunyu	kaya		
			welut			
(ii) <i>Abot kaya watu.</i>				abot		
				watu		
(iii) <i>Banter kaya kilat.</i>				banter		kilat
(iv) <i>Goblog kaya kebo.</i>				goblog		
				kebo		
(v) <i>Wedi banyu kaya wedhus.</i>				wedi		
				banyu		
				wedhus		
<b>JUMLAH</b>	<b>0</b>	<b>0</b>	<b>2</b>	<b>9</b>	<b>0</b>	<b>1</b>

Analisis berdasarkan lima contoh dapatan dalam kategori perumpamaan seperti dalam Jadual 4.9 halaman 102, menyaksikan sebanyak 9 perkataan dalam bentuk ngoko (ng) diperolehi, diikuti oleh bentuk krama-ngoko (k, ng) sebanyak 2 dan 1 perkataan dalam bahasa Melayu, malah tidak terdapat perkataan bentuk krama inggil (ki) mahupun krama (k).

#### (iv) Pantun

Sebanyak 13 pantun dapat dikumpul dalam kajian ini yang meliputi jenis pantun pesan berpesan, pantun nasihat, pantun orang bercinta dan pantun untuk bergurau senda. Berikut ialah contoh sebahagian daripada pantun yang terkumpul, iaitu:

#### Contoh 1: pantun pesan berpesan

(i)	<i>Sedinten</i>	<i>kalih</i>	<i>wadé</i>	<i>ayam</i>
	Sehari	dengan	jualan	ayam
	<i>Tumbas</i>	<i>tapé</i>	<i>dinten</i>	<i>selasa</i>
	Beli	tapai	hari	selasa
	<i>Sekedhap</i>	<i>malih</i>	<i>wulan</i>	<i>siyam</i>
	Sekejap	lagi	bulan	puasa
	<i>Mboten</i>	<i>usah</i>	<i>supé</i>	<i>sami</i>
	Tidak	jangan	lupa	puasa

*Sedinten kalih wadé ayam,* [Sehari berjual ayam,]

*Tumbas tapé dinten selasa,* [Beli tapai hari selasa,]

*Sekedhap malih wulan siyam,* [Sekejap lagi bulan puasa,]

*Mboten usah supé sami puasa.* [Jangan lupa sama-sama berpuasa.]

### **Contoh 2: pantun gurau senda**

(ii)	<i>Ireng-ireng jemputano</i> Hitam-hitam dijemputlah	<i>Nyabit kelapa katutan pasir</i> Menyabit kelapa terpalit pasir	<i>Barang seneng tak turutanno</i> Benda suka sahaja diikutkan	<i>Neng dunia pira lawasé</i> Di dunia berapa lamanya
<i>Ireng-ireng jemputano,</i> [Walaupun hitam/hodoh, jemputlah,]				
<i>Nyabit kelapa katutan pasir</i> [Kelapa disabit terpalit pasir,]				
<i>Barang seneng tak turutanno,</i> [Kalau sudah suka turutkan sahaja,]				
<i>Neng dunia pira lawasé</i> [Kerana hidup ini tidaklah lama.]				

### **Contoh 3: pantun gurau senda**

(iii)	<i>Iwak betik mati kebekok</i> Ikan puyu mati terlipat	<i>Iwak lélé mati kelepekan</i> Ikan keli mati kesesakan	<i>Wis suwé ora kepethuk</i> Sudah lama tidak berjumpa	<i>Sekali kepethuk nang jambatan</i> Sekali berjumpa di jambatan
<i>Iwak betik mati kebekok,</i> [Ikan puyu mati terlipat,]				
<i>Iwak lélé mati kelepekan,</i> [Ikan keli mati kesesakan,]				
<i>Wis suwé ora kepethuk,</i> [Sudah lama tidak berjumpa,]				
<i>Sekali kepethuk nang jambatan.</i> [Sekali berjumpa di jambatan.]				

#### **Contoh 4: pantun nasihat**

Berikut ialah contoh pantun nasihat yang telah digubah daripada sebuah mantera:

(iv)	<i>Éling-éling</i>	<i>sira</i>	<i>manusa</i>	
	Ingat-ingat	kau	manusia	
	<i>Aja</i>	<i>sira</i>	<i>suka-suka</i>	
	Jangan	kau	leka	
	<i>Ingkang</i>	<i>mukmin</i>	<i>neng</i>	<i>dunia</i>
	Yang	mukmin	di	dunia
	<i>Gugu</i>	<i>patuh</i>	<i>mareng</i>	<i>Seng Kuasa</i>
	Taat	patuh	kepada	Yang Maha Kuasa
	<i>Éling-éling sira manusa,</i>		[Ingat-ingatlah kau manusia,]	
	<i>Aja sira suka-suka,</i>		[Janganlah kau leka,]	
	<i>Ingkang mukmin neng dunia,</i>		[Sebagai mukmin di dunia,]	
	<i>Gugu patuh mareng Seng Kuasa.</i>			[Patuh dan taatlah kepada Yang Maha Kuasa.]

#### **Contoh 5: pantun percintaan**

(v)	<i>Suwé</i>	<i>ora</i>	<i>jamu</i>	
	lama	tidak	beri makan	
	<i>Jamu</i>	<i>godhong</i>	<i>téla</i>	
	Beri makan	daun	ubi	
	<i>Suwé</i>	<i>ora</i>	<i>ketemu</i>	
	Lama	tidak	berjumpa	
	<i>Temu</i>	<i>pisan</i>	<i>gawé</i>	<i>gela</i>
	Jumpa	sekali	buat	kecewa
	<i>Suwé ora jamu,</i>		[Lama tidak beri makan,]	
	<i>Jamu godhong téla,</i>		[Beri makan pucuk ubi,]	
	<i>Wis suwé ora ketemu,</i>		[Sudah lama tidak berjuma,]	
	<i>Temu pisan gawé gela.</i>			[Jumpa sekali buat kecewa/rasa ralat.]

Dalam kajian ini, data yang dipungut termasuklah pantun dua kerat dalam bahasa Jawa yang digunakan. Berikut dipaparkan pantun dua kerat jenis pantun nasihat dan pantun gurau senda.

### **Contoh 1: pantun nasihat**

(vi)	<i>Manok</i>	<i>kutut</i>	<i>manggung</i>	<i>soré</i>
	Burung	ketitir	berbunyi	petang
	<i>Édan</i>	<i>buntut</i>	<i>dadi</i>	<i>kéré</i>
	Gila	ekor (nombor)	jadi	papa

*Manok kutut manggung soré,* [Tiap petang ketitir berbunyi,]

*Édan buntut dadi kéré.* [Gila ekor (nombor ekor) jadi papa.]

### **Contoh 1: pantun gurau senda**

(vii)	<i>Endog</i>	<i>gemak</i>	<i>diwolak-walik</i>
	Telur	puyuh	dibelek-belek
	<i>Kerasa</i>	<i>ménak</i>	<i>bola-bali</i>
	Terasa	sedap	kembali semula

*Endog gemak diwolak-walik,* [Telur puyuh dibelek-belek,]

*Kerasa ménak ya bola-bali.* [Terasa sedap/enak akan kembali semula.]

Jadual 4.10 halaman 107 berikut menunjukkan bentuk-bentuk perkataan bahasa Jawa yang digunakan dalam pantun melalui data yang dikumpul.

### Jadual 4.10 Penggunaan bahasa Jawa dan bahasa lain dalam pantun

PANTUN	BAHASA JAWA				Lain-lain	Bahasa Melayu (m)
	krama inggil (ki)	krama (k)	krama-ngoko (k, ng)	ngoko (ng)		
(i) <i>Sedinten kalih wadé ayam, Tumbas tapé dinten selasa, Sekedhap malih wulan siyam, Mboten usah supé sami pasa</i>	ayam	sedinten	wadé			selasa
		kalih	tapé			usaha
		tumbas		pasa		
		sekedhap				
		malih				
		wulan				
		siyam				
		mboten				
		supé				
		sami				
(ii) <i>Ireng-ireng jemputano, Nyabit kelapa katutan pasir, Barang seneng tak turutanno, Neng dunya pira lawasé.</i>				ireng		jemput
			nyabit	kelapa		dunya (dunia)
			katutan	barang		
			pasir	seneng		
			turutanno	neng		
				pira		
				lawasé.		
(iii) <i>Éling-éling sira manusa, Aja sira suka-suka, Ingkang mukmin neng dunya, Gugu patuh mareng Seng Kuwasa.</i>				éling-éling	sira (kw)	
			suka-suka	aja	manusa (kw)	
		ingkang	mukmin	gugu	mareng (kw)	patuh
				Seng Kuwasa		
(iv) <i>Iwak bethik mati kebekok, Iwak lélé mati kelepekan, Wis suwé ora kepethuk, Sekali kepethuk nang jambatan.</i>			bethik	iwak		mati
			lélé	kebekok		
			kepethuk	wis		sekali
				ora		jambatan
(v) <i>Suwé ora jamu, Jamu godhong téla, Wis suwé ora ketemu, Temu pisan gawé gela.</i>				suwé	jamu (I)	
				godhong		
			pisan	téla		
				ketemu/temu		
			gela	gawé		
(vi) <i>Manuk kutut manggung soré, Édan buntut dadi kéré.</i>			manggung	manuk		
			édan	kutut		
				soré		
				buntut		
			kéré	dadi		
(vii) <i>Endog gemak diwolak-walik, Kerasa ménak ya bola-bali.</i>			diwolak-walik	endog		
				gemak		
			ménak	kerasa		
				ya		
				bola-bali		
<b>JUMLAH</b>	<b>1</b>	<b>11</b>	<b>19</b>	<b>34</b>	<b>4</b>	<b>8</b>

Bahasa kiasan kerap digunakan dalam kalangan masyarakat di kawasan kajian. Ada ketikanya bahasa kiasan ini dilafazkan secara spontan, iaitu apabila sesuatu perkara atau kejadian yang berkaitan berlaku tanpa diduga atau sengaja. Contoh:

- (i) *Iwak lélé égot-égot,* [Ikan keli meliuk-lintuk,]  
*Wetengé luwé suwalé mlorot.* [Perut lapar terlondel seluar.]

Pantun dua kerat ini, termasuk dalam kategori pantun jenaka yang bermaksud apabila lapar, saiz seluar pada bahagian pinggang akan terasa longgar dan seolah-olah mahu terlondel. Oleh kerana pantun ini berunsur jenaka yang bertujuan hanya untuk bergurau senda, maka adakalanya pantun ini dituturkan dengan berlagu sambil si penutur menggoyang-goyangkan punggung mereka. Baris pertama hanyalah pembayang, iaitu yang menggambarkan liuk-lentok ikan keli semasa berenang.

### **(b) Doa**

Sebanyak lima ungkapan doa dalam bahasa Jawa yang diperolehi dalam kajian ini. Menurut informan-informan yang ditemubual, doa ini telah dipelajari daripada datuk dan nenek, ibu atau bapa, ataupun daripada ustaz yang menjadi guru mengaji al-Qur'an sejak zaman kanak-kanak lagi. Doa-doa tersebut ialah:

#### **(i) Doa sebelum tidur**

Sebanyak dua ungkapan doa diperolehi dalam kajian ini. Kedua-dua doa ini adalah bertujuan untuk memohon perlindungan daripada sebarang gangguan. Contoh 1 dan Contoh 2 halaman 109 menunjukkan pengaruh agama Islam yang dianuti. Berikut ialah contoh ungkapan doa sebelum tidur yang diperolehi:

### Contoh 1:

(i)	<i>Bantalku</i>	<i>solat</i>	<i>lémékku</i>	<i>syahadat</i>	<i>kemulku</i>	<i>raga</i>
	Bantalku	sembahyang	alasku	kalimah syahadat	selimutku	tubuh
	<i>Kanggo</i>	<i>mesa</i>	<i>aja</i>	<i>sira</i>	<i>nganggu-nganggu</i>	<i>mareng</i>
	Guna	paksa	jangan	engkau	menganggu	<i>insun</i>
	<i>Anak</i>	<i>Adam</i>	<i>turu</i>	<i>kerna</i>	<i>dendané</i>	<i>Allah</i>
	Anak	Adam	tidur	sebab	hukumannya	Allah
	<i>Laillahaillah</i> tiada tuhan melainkan Allah		<i>Muhamadarrasullah</i> Muhammad Rasul Allah			

*Bantalku solat, lémékku syahadat, kemulku raga,*

*Kanggo mesa aja sira nganggu-nganggu mareng insun,*

*Anak Adam turu kerna dendané Allah Laillahaillah, Muhamadarrasullah.*

Bermaksud: [Bantalku sembahyang, alasku kalimah syahadat, selimutku raga/tubuh]

[Jangan sesekali engkau datang menganggu aku]

[Anak Adam yang tidur nanti dimurkai Allah (tiada Tuhan melainkan Allah)  
dan Muhammad Rasul Allah.]

### Contoh 2:

(ii)	<i>Turu</i>	<i>dat</i>	<i>bantalku</i>	<i>sadat</i>
	Tidur	syahadat	bantalku	syahadat
	<i>Kemulku</i>	<i>nabi</i>	<i>Allahku</i>	<i>Pinungkuli</i>
	Selimutku	nabi	Allah	Pelindungku
	<i>Laillahaillah</i> tiada Tuhan melainkan Allah	<i>Muhamadarrasullah</i> Muhammad Rasul Allah		
	<i>Rohku</i>	<i>semanding</i>		
	Rohku	di sisiku		

*Turu dat, bantalku sadat,*

*Kemulku nabi, Allahku Pinungkuli,*

*Laillahaillah Muhamadarrasullah.*

*Rohku semanding.*

Bermaksud: [Tidur dengan kalimah syahadat, juga berbantalkan kalimah syahadat,]

[Selimutku nabi, Allah pelindungku,]

[Laillahaillah Muhamadarrasulullah,]

[Rohku di sisi.]

## (ii) Doa untuk dapat bangun daripada tidur pada waktu yang diinginkan

Berikut ialah contoh ungkapan doa untuk dapat bangun daripada tidur pada waktu yang diinginkan:

(i)	<i>Kakangku</i>	<i>seng</i>	<i>mbarêp</i>	<i>adikku</i>	<i>seng</i>	<i>ragil</i>	
	Abangku	yang	sulung	adikku	yang	bongsu	
	<i>Insun</i>	<i>turu</i>	<i>ana</i>	<i>gae</i>	<i>pai</i>	<i>gae</i>	<i>padha</i>
	Aku	tidur	ada	buat	apa	buat	sama
	<i>Insun</i>	<i>turu</i>	<i>ana</i>	<i>gae</i>	<i>pai</i>	<i>gae</i>	<i>tolong</i>
	Aku	tidur	ada	buat	apa	buat	tolong
							kejutkan

*Kakangku seng mbarêp, adikku seng ragil,*

*Insun turu ana gae pai gae padha jaganen,*

*Insun turu ana gae pai gae tolong gugahen.*

Bermaksud: [Abangku yang sulung, adikku yang bongsu,]

[Aku tidur jika ada apa-apa tolong sama-sama jagakan,]

[Aku tidur jika ada apa-apa tolong kejutkan.]

## (iii) Doa apabila melihat kanak-kanak bersin

Berikut ialah contoh ungkapan doa apabila melihat kanak-kanak bersin:

(i)	<i>Sulak</i>	<i>sawan</i>	<i>bali</i>	<i>dalan</i>
	Nyah	sawan	balik	jalan
	<i>Ilang</i>	<i>bajang</i>	<i>sawané</i>	
	Hilang	bajang	sawannya	
	<i>Kerek</i>	<i>gelist</i>	<i>gediné</i>	
	Tinggal	cepat	besarnya	

*Sulak sawan, bali dalan,*

*Ilang bajang sawané,*

*Kerek gelis gediné.*

Bermaksud: [Nyah sawan, berambus kau (jangan datang lagi),]

[Hapuslah sawan,]

[Membesarlah segera dengan sihat.]

#### **(iv) Doa untuk kesejahteraan si mati**

Berikut ialah contoh ungkapan doa untuk kesejahteraan si mati:

- (i) Ya            *didongakké mogamoga jembar kuburé padhang dalané*  
Ya            didoakan      semoga      luas      kuburnya      terang      jalannya  
*diaku imané*  
diterima      imannya

*Ya, didongakké mogamoga jembar kuburé, padhang dalané, diaku imané.*

Bermaksud: [Ya, didoakan semoga diampuni dosanya, diterima segala amalannya dan dipermudahkan jalannya ke syurga.]

Sebagaimana ungkapan *badhan*, sebilangan perkataan dalam ungkapan doa juga menggunakan bahasa Jawa dan bahasa-bahasa lain seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4.11 melalui contoh-contoh yang diberi di halaman 112. Menurut informan, merujuk ungkapan doa kelima, iaitu doa untuk kesejahteraan si mati yang dipaparkan dalam Jadual 4.11 tersebut, selain anggota keluarga dan para sahabat melafazkan doa ini, Tuan Imam juga akan melafazkannya sebelum meninggalkan pusara si mati.

Berdasarkan analisis, dapatan berasaskan doa terdiri daripada empat jenis, iaitu doa sebelum tidur, doa dibaca untuk dapat bangun daripada tidur pada waktu yang diinginkan, doa dibaca apabila melihat kanak-kanak bersin dan doa untuk kesejahteraan si mati.

#### Jadual 4.11 Penggunaan bahasa Jawa dan bahasa lain dalam doa

DOA	BAHASA JAWA				Lain-lain	Bahasa Melayu (m)
	krama inggil (ki)	krama (k)	krama-ngoko (k, ng)	ngoko (ng)		
(i) <i>Bantalku solat, lèmèkku syahadat, kemulku raga, Kanggo mersa aja sira nganggu nganggu mareng insun, Anak Adam turu kerana dendené Allah Laillahaillah, Muhamadarrasullah.</i>			bantal	ku (aku)	solat (Ar)	anak
			lèmèk	kanggo	syahadat (Ar)	
			kemul	mersa	raga (kw)	
			nganggu	aja	sira (kw)	
				turu	mareng (kw)	
				kerana	insun (kw)	
					dendené (S)	
					Allah (Ar)	
					Laillahaillah (Ar)	
					Muhamadarrasullah (Ar)	
(ii) <i>Turu dat, bantalku sadat, Kemulku nabi, Allahku Pinungkuli, Laillahaillah, Muhamadarrasullah, Rohku semanding.</i>				sadat/dat	nabi (Ar)	
					Pinungkuli (Jk)	
			roh			
			semanding			
(iii) <i>Kakangku seng mbarêp, adikku seng ragil, Insun turu ana gaé pai gaé padha jaganen, Insun turu ana gaé pai gaé tulung gugahen.</i>			ragil	kakang		adik
			tulung	seng		
				mbarêp		
				ana		
				gaé		
				pai		
				padha		
				jaganen		
(iv) <i>Sulak sawan, bali dalan, Ilang bajang sawané, Kèrèk gelis gedhéné.</i>				gugahen		
			sulak	bali		
			sawan	dalan		
				ilang		
				bajang		
				kèrèk		
(v) <i>Ya, didongakké moga-moga jembar kuburé, padhang dalané, diaku imané.</i>				kèrèk		
				gedhéné		
			donga	ya	moga-moga (Kw,Jk)	
			jembar	dalané		
			kuburé	diaku		
<b>JUMLAH</b>	<b>0</b>	<b>0</b>	<b>15</b>	<b>27</b>	<b>13</b>	<b>2</b>

Jadual 4.11 di atas memaparkan kata-kata dalam doa banyak menggunakan perkataan bentuk Jawa ngoko (ng) dengan jumlah sebanyak 27 perkataan dan diikuti oleh bentuk krama-ngoko (k, ng) sebanyak 15 perkataan. Dapatan yang dibentangkan menunjukkan bahawa tidak

terdapat mana-mana perkataan daripada bentuk krama inggil (ki) atau pun krama (k) digunakan dalam keempat-empat ungkapan doa yang diperolehi dari informan-informan kajian ini. Namun, bahasa yang digunakan dalam keempat-empat doa ini banyak terbit daripada perkataan bahasa Jawa bentuk krama-ngoko (k, ng), ngoko (ng) dan bahasa-bahasa lain seperti yang digunakan dalam *badhan*, iaitu bahasa Arab (Ar), Kawi (Kw), Sanskrit (S), Jawa kuno (Jk), bahasa Indonesia (I) dan bahasa Melayu sebagaimana yang ditunjukkan dalam Jadual 4.11 halaman 112 tersebut.

Dalam hal ini, penyelidikan ini melihat dari aspek konsep sesuatu doa itu diungkapkan.

**Kamus Dewan** (1986) mencatatkan bahawa doa adalah:

- 1 permohonan (permintaan) kepada Tuhan.
- 2 kebaikan (yang dipinta) dengan restu daripada Tuhan.
- 3 petikan ayat terutama daripada Quran (hadis dan sebagainya) yang dibaca untuk memohon sesuatu kebaikan daripada Tuhan. Justeru, doa merupakan milik peribadi seseorang individu, maka tuturannya yang terbentuk adalah mengikut kemahiran dan pengetahuan individu itu sendiri.

### **(c) Ungkapan Lafaz Niat**

Hanya satu ungkapan lafaz niat yang diperolehi dalam kajian ini, iaitu ungkapan lafaz niat berpuasa. Lafaz niat ini telah dipelajari daripada datuk dan nenek, ibu atau bapa, ataupun daripada ustaz yang menjadi guru mengaji al-Qur'an sejak zaman kanak-kanak lagi. Berikut ialah ungkapan lafaz niat berpuasa tersebut:

(i) <i>Niat</i>	<i>insun</i>	<i>pasa</i>	<i>tututa</i>	<i>sedina</i>	<i>esuk</i>
Niat	aku	puasa	susul	sehari	esok
<i>Bulan</i>	<i>Ramdan</i>	<i>ing</i>	<i>taun</i>	<i>iki</i>	<i>kerana</i>
Bulan	Ramadan	pada	tahun	ini	kerana

*Niat insun pasa tututa sedina esuk,*

*Bulan Ramdan ing taun iki, kerana Allah Taala.*

Bermaksud: [Sahaja aku niat berpuasa satu hari esok,]

[Bulan Ramadan pada tahun ini, kerana Allah Taala.]

Jadual 4.12 berikut ini pula memaparkan penggunaan bahasa Jawa dan bahasa-bahasa lain

dalam ungkapan lafaz niat berpuasa melalui contoh berikut:

**Jadual 4.12 Penggunaan bahasa Jawa dan bahasa lain dalam ungkapan lafaz niat berpuasa**

UNGKAPAN LAFAZ NIAT	BAHASA JAWA				Lain-lain	Bahasa Melayu (m)
	krama inggil (ki)	krama (k)	krama-ngoko (k, ng)	ngoko (ng)		
(i) <i>Niat insun pasa tututa sedina ésuk, bulan Ramdan ing taun iki, kerana Allah Taala.</i>		ing (ingkang)	tututa	pasa	niat (Ar)	bulan
			taun	sedina	insun (kw)	
				ésuk	Ramadan (Ar)	
<i>Legend: Arab (Ar), Kawi (Kw), dan bahasa Melayu (m)</i>				iki	Allah Taala (Ar)	
				kerana		
<b>JUMLAH</b>	<b>0</b>	<b>1</b>	<b>2</b>	<b>5</b>	<b>4</b>	<b>1</b>

### 4.2.3 Ayat

Sebanyak 222 ayat yang terdiri daripada empat kategori ayat telah dapat dikumpul melalui sesi temu bual dengan berpandukan soalan terbuka (Lampiran 2). Soalan ini mengandungi empat bahagian, iaitu:

- Bahagian 1, berkenaan latar belakang peribadi informan
- Bahagian 2, berkenaan penggunaan dan penguasaan bahasa informan
- Bahagian 3, berkenaan ayat dan perbualan
- Bahagian 4, berkenaan istilah-istilah tertentu

Kriteria dalam pembinaan soalan terbuka ini adalah berdasarkan penelitian dan kajian penyelidik terhadap disertasi-disertasi lepas berkaitan bahasa dan linguistik, antaranya ialah disertasi oleh Noriah Mohamed (1991), Crawford, J. (1996), David, M. (1996), David, K. M. (1998), Nambiar, M. K. (2007) dan Sudesh, N. R. (2000).

Empat kategori ayat yang telah dapat dikumpul dalam kajian ini ialah:

- (a) Ayat sapaan
- (b) Ayat silaan atau pelawaan
- (c) Ayat tanya
- (d) Ayat penyata

Hasil analisis mendapati bahawa ayat penyata mencatatkan jumlah tertinggi, iaitu sebanyak 118 ayat, ayat tanya 49, ayat silaan atau pelawaan 39 dan ayat sapaan 16, sebagaimana yang ditunjukkan dalam Jadual 4.13 berikut.

**Jadual 4.13 Penggunaan bahasa Jawa dalam kategori ayat**

KATEGORI AYAT	JUMLAH	PERATUS (%)
Ayat Sapaan	16	7.2
Ayat silaan atau Pelawaan	39	17.6
Ayat Tanya	49	22.1
Ayat Penyata	118	53.1
<b>JUMLAH</b>	<b>222</b>	<b>100</b>

### (a) Ayat Sapaan

Berikut ialah lima contoh daripada 16 ayat sapaan yang terkumpul:

- (i) *Kula nuwun embah*  
Saya datang tuk/nenek

“*Kula nuwun, embah.*” [Saya datang, tuk/nenek.]

- (ii) *Sampéyan ajeng teng pundi*  
Awak hendak ke mana

“*Sampéyan ajeng teng pundi?*” [Tuan/Puan/Awak hendak ke mana?]

- (iii) *Saking teng pundi lik*  
Dari ke mana pak cik/mak cik

“*Saking teng pundi lik?*” [Dari mana pak cik/mak cik?]

- (iv) *Dhèrèk langkung*  
Turut lalu

“*Dhèrèk langkung.*” [Tumpang lalu.]

- (v) *Mboten usah isin-isin*  
Tidak jangan malu-malu

“*Mboten usah isin-isin.*” [Usahlah segan-segan/malu-malu.]

Jadual 4.14 berikut memaparkan penggunaan bahasa Jawa dan bahasa lain dalam ayat sapaan melalui contoh-contoh yang diberi:

**Jadual 4.14 Penggunaan bahasa Jawa dan bahasa lain dalam ayat sapaan**

AYAT SAPAAN	BAHASA JAWA				Lain-lain	Bahasa Melayu (m)
	krama inggil (ki)	krama (k)	krama-ngoko (k, ng)	ngoko (ng)		
(i) “ <i>Kula nuwun, embah.</i> ”	nuwun	kula		embah		
(ii) “ <i>Sampéyan ajeng teng pundi?</i> ”	teng (dhateng)	sampéyan				
	pundi	ajeng				
(iii) “ <i>Saking teng pundi lik?</i> ”		saking		lik		
(iv) “ <i>Dhèrèk langkung.</i> ”	dhèrèk	langkung				
(v) “ <i>Mboten usah isin-isin.</i> ”		mboten		isin-isin		usah
<b>JUMLAH</b>	<b>4</b>	<b>6</b>	<b>0</b>	<b>3</b>	<b>0</b>	<b>1</b>

## (b) Ayat Silaan atau Pelawaan

Berikut ialah lima contoh daripada 39 ayat silaan atau pelawaan yang terkumpul:

- (i) *Mangga-mangga*  
Sila-sila

“*Mangga-mangga.*” [Sila/Jemput naik./Naik.]

- (ii) *Mangga minggah mriki*  
Sila naik ke mari

“*Mangga minggah mriki.*” [Sila/Jemputlah naik ke mari.]

- (iii) *Mangga inggih lenggah*  
Sila ya duduk

“*Mangga inggih lenggah.*” [Jemputlah/silalah duduk ya.]

- (iv) *Pinarak mriki malih*  
Singgah ke mari lagi

“*Pinarak mriki malih.*” [Singgahlah lagi ke mari.]

- (v) *Mangga mlebet mriki mawon*  
Sila masuk ke mari saja

“*Mangga mlebet mriki mawon.*” [Silalah masuk ke mari.]

Jadual 4.15 halaman 118 berikut memaparkan penggunaan bahasa Jawa dan bahasa lain dalam ayat silaan atau ayat pelawaan melalui contoh-contoh yang diberi:

**Jadual 4.15 Penggunaan bahasa Jawa dan bahasa lain dalam ayat silaan atau pelawaan**

AYAT SILAAN ATAU PELAWAAN	BAHASA JAWA				Lain-lain	Bahasa Melayu (m)
	krama inggil (ki)	krama (k)	krama-ngoko (k, ng)	ngoko (ng)		
(i) “Mangga-mangga.”		mangga				
(ii) “Mangga minggah mriki.”		minggah				
		mriki				
(iii) “Mangga inggih lenggah.”	lenggah	inggih				
(iv) “Pinarak mriki malih.”	pinarak	malih				
(v) “Mangga mlebet mriki mawon.”	mlebet	mawon				
<b>JUMLAH</b>	<b>3</b>	<b>6</b>	<b>0</b>	<b>0</b>	<b>0</b>	<b>0</b>

**(c) Ayat Tanya**

Berikut ialah lima contoh daripada 49 ayat tanya yang terkumpul:

- (i) *Kabaré apa sampéyan*  
Khabarnya apa awak

“*Kabaré apa sampéyan?*” [Tuan/Puan/Awak apa khabar?]

- (ii) *Sampéyan yogané sinten*  
Awak anaknya siapa

“*Sampéyan yogané sinten?*” [Tuan/Puan/Awak anak siapa?]

- (iii) *Sampéyan ajeng nedhi*  
Awak hendak makan

“*Sampéyan ajeng nedhi?*” [Tuan/Puan/Awak hendak makan?]

- (iv) *Empun pinten laré niki*  
Sudah berapa budak ini

“*Empun pinten laré niki?*” [Sudah berapakah umur budak ini?]

- (v) *Kok énggal-énggal mawon mboten mangké kriyin*  
Kau cepat-cepat saja tidak nanti dulu

“*Kok énggal-énggal mawon mboten mangké kriyin?*”

[Kenapa cepat sangat, tidak nanti-nanti dulu?]

Jadual 4.16 berikut memaparkan penggunaan bahasa Jawa dan bahasa lain dalam ayat tanya melalui contoh-contoh yang diberi:

**Jadual 4.16 Penggunaan bahasa Jawa dan bahasa lain dalam ayat tanya**

AYAT TANYA	BAHASA JAWA				Lain-lain	Bahasa Melayu (m)
	krama inggil (ki)	krama (k)	krama-ngoko (k, ng)	ngoko (ng)		
(i) “Kabaré apa sampéyan?”		apa (punapa)	kabaré			
		sampéyan				
(ii) “Sampéyan yogané sinten?”		yogané				
		sinten				
(iii) “Sampéyan ajeng nedhi?”		ajeng				
		nedhi				
(iv) “Empun pinten laré niki?”		empun (sampun)				
		pinten				
		laré				
		niki				
(v) “Kok énggal-énggal mawon mboten mangké kriyin?”	énggal	mawon	kok			
		mbote				
		mangké				
		kriyin				
<b>JUMLAH</b>	<b>1</b>	<b>14</b>	<b>2</b>	<b>0</b>	<b>0</b>	<b>0</b>

#### (d) Ayat Penyata

Berikut ialah lima contoh daripada 118 ayat penyata yang terkumpul:

- (i) *Kula wilujeng*  
Saya sihat

“*Kula wilujeng.*” [Saya sihat.]

- (ii) *Kula niki supé*  
Saya ini lupa

“*Kula niki supé.*” [Saya lupa.]

- (iii) *Kula padha permisi tingalané empun sonten*  
Saya sama minta diri nampaknya sudah petang

“*Kula padha permisi, tingalané empun sonten.*”

[Saya minta diri, nampaknya sudah petang.]

- (iv) *Kula ajeng duki teng griya mengké sonten*  
 Saya hendak datang ke rumah nanti petang

“*Kula ajeng duki teng griya mengké sonten.*”

[Saya hendak datang ke rumah awak petang nanti.]

- (v) *Badan kula mboten sekéco*  
 Badan saya tidak sedap

“*Badan kula mboten sekéco.*” [Badan saya tidak sihat.]

Jadual 4.17 berikut memaparkan penggunaan bahasa Jawa dan bahasa lain dalam ayat penyata melalui contoh-contoh yang diberi:

**Jadual 4.17 Penggunaan bahasa Jawa dan bahasa lain dalam ayat penyata**

AYAT PENYATA	BAHASA JAWA				Lain-lain	Bahasa Melayu (m)
	krama inggil (ki)	krama (k)	krama-ngoko (k, ng)	ngoko (ng)		
(i) “ <i>Kula wilujeng.</i> ”		kula				
		wilujeng				
(ii) “ <i>Kula niki supé.</i> ”		niki				
		supé				
(iii) “ <i>Kula padha permisi, tingalané empun sonten.</i> ”	tingalané	empun (sampun)		padha	permisi (IB)	
		sonten				
(iv) “ <i>Kula ajeng duki teng griya mengké sonten.</i> ”		ajeng				
	teng (dhateng)	duki				
		griya				
		mengké				
(v) “ <i>Badan kula mboten sekéco.</i> ”		badan				
		mboten				
		sekéco				
<b>JUMLAH</b>	<b>2</b>	<b>13</b>	<b>0</b>	<b>1</b>	<b>1</b>	<b>0</b>

Berdasarkan perincian analisis di atas, berikut dipaparkan jumlah bagi setiap bentuk bahasa Jawa dan bahasa lain yang digunakan dalam ayat dalam Jadual 4.18 halaman 121.

**Jadual 4.18 Penggunaan bahasa Jawa dan bahasa lain dalam ayat**

KATEGORI AYAT	BAHASA JAWA				Lain-lain	Bahasa Melayu (m)
	krama inggil (ki)	krama (k)	krama-ngoko (k, ng)	ngoko (ng)		
(a) Ayat Sapaan	4	5	0	3	0	1
(b) Ayat Silaan atau Pelawaan	3	6	0	0	0	0
(c) Ayat Tanya	1	14	2	0	0	0
(d) Ayat Penyata	1	13	0	1	1	0
<b>JUMLAH</b>	<b>9</b>	<b>38</b>	<b>2</b>	<b>4</b>	<b>1</b>	<b>1</b>

Berdasarkan jadual di atas, ayat tanya dan ayat penyata banyak menggunakan bentuk krama (k), dan jumlahnya jauh lebih tinggi berbanding bentuk lain seperti krama inggil (ki), krama-ngoko (k,ng) dan ngoko (ng).

#### 4.2.4 Perbendaharaan Kata

Sebanyak 387 perkataan daripada 16 jenis golongan kata dapat dikumpulkan. Pemerolehan dapatan ini adalah berdasarkan domain rumah, keluarga dan kawan. Domain-domain ini dipilih kerana kajian penggunaan bahasa banyak bergantung kepada peserta, topik dan tempat (Fishman, 1972a). Soalan soal selidik yang disediakan untuk sesi temu bual, hanya sebagai panduan dan kita tidak perlu terikat dengan soalan-soalan yang ada dalam borang soal selidik itu (Asmah Haji Omar, 1992:78).

Berdasarkan analisis, kata adjektif benda mencatat jumlah tertinggi peratus penggunaannya, iaitu sebanyak 11.7%, diikuti oleh kata kerja dan kata bilangan yang masing-masing berjumlah 9.8%. Penjelasan secara menyeluruh ditunjukkan melalui Jadual 4.19 halaman 122 berikut.

### **Jadual 4.19 Penggunaan bahasa Jawa dalam perbendaharaan kata**

PERBENDAHARAAN KATA	BIL. PERKATAAN	PERATUS (%)
(a) Kata Persanakan dan Panggilan Kekeluargaan	23	5.9
(b) Kata Ganti Nama Diri, Panggilan Khusus dan Panggilan dalam Komuniti	16	4.2
(c) Kata Ganti Nama Tunjuk, Tempat dan Kata Sendi	9	2.3
(d) Anggota Tubuh Badan Luaran dan Dalaman	34	8.8
(e) Haiwan	14	3.6
(f) Makanan, Minuman dan Rempah-ratus	36	9.3
(g) Kata Nama Alam Semula Jadi	9	2.3
(h) Kata Nama Alatan, Bahagian Luar dan Dalam Rumah	23	5.9
(i) Kata Nama Alat Perhiasan, Pakaian, Waktu dan Umum	19	4.9
(j) Kata Tugas	31	8.0
(k) Alatan Dapur	21	5.5
(l) Kata Kerja	38	9.8
(m) Kata Adjektif (Manusia)	17	4.4
(n) Kata Adjektif (Benda)	45	11.7
(o) Kata Adjektif (Jarak dan Waktu)	14	3.6
(p) Kata Bilangan	38	9.8
<b>JUMLAH</b>	<b>387</b>	<b>100</b>

#### **(a) Kata Persanakan dan Panggilan Kekeluargaan**

Berikut ialah enam contoh daripada 23 kata persanakan dan panggilan kekeluargaan bahasa Jawa yang terkumpul:

- (i) *buyut* = [moyang]
- (ii) *embah* = [datuk/nenek]
- (iii) *bapak* = [bapa]
- (iv) *embok* = [emak/ibu]
- (v) *paman* = [pak cik]
- (vi) *embokdhe* = [mak cik]

Jadual 4.20 halaman 123 berikut menunjukkan contoh analisis perkataan berdasarkan bentuk tatatingkat bahasa masing-masing.

**Jadual 4.20 Penggunaan bahasa Jawa dalam contoh kata persanakan dan panggilan kekeluargaan**

TATATINGKAT BAHASA JAWA	Kata Persanakan dan Panggilan Kekeluargaan					
	moyang	datuk/nenek	bapa/ayah/abah	emak/ibu	pak cik	mak cik
(i) <b>krama inggil (ki)</b>	-	éyang	rama	Ibu	-	-
(ii) <b>krama (k)</b>	moyang/leluhur	-	-	-	-	-
(iii) <b>krama-ngoko (k, ng)</b>	-	-	bapak	embok	-	-
(iv) <b>ngoko (ng)</b>	buyut	embah	-	-	lik/pak lik/ pak dhe/paman	lik/bulik/ embok dhe
Lain-lain	-	-	-	-	-	-

**(b) Kata Ganti Nama Diri, Panggilan Khusus dan Panggilan dalam Komuniti**

Berikut ialah enam contoh daripada 16 kata ganti nama diri, panggilan khusus dan panggilan dalam komuniti yang terkumpul:

- (i) *kula* = [saya/aku]
- (ii) *sampéyan* = [tuan/puan/saudara/saudari/anda/awak/engkau]
- (iii) *endhuk* = [anak perempuan]
- (iv) *tholé* = [anak lelaki]
- (v) *lik* = [encik/puan/pak cik/mak cik]
- (vi) *mbakyu* = [cik/kakak]

Jadual 4.21 berikut menunjukkan contoh analisis perkataan berdasarkan bentuk tatatingkatnya masing-masing.

**Jadual 4.21 Penggunaan bahasa Jawa dalam contoh kata ganti nama diri, panggilan khusus dan panggilan dalam komuniti**

TATATINGKAT BAHASA JAWA	Kata Ganti Nama Diri, Panggilan Khusus dan Panggilan dalam Komuniti					
	saya/aku/beta/ patik	awak/kamu/anda engkau	anak perempuan	anak lelaki	encik/puan	ketua
(i) <b>krama inggil (ki)</b>	abdi/dalem/ka wula	panjenegan	-	-	-	-
(ii) <b>krama (k)</b>	kula	sampéyan	-	-	-	-
(iii) <b>krama-ngoko (k, ng)</b>	-	-	-	tholé	-	-
(iv) <b>ngoko (ng)</b>	aku	kowé	endhuk	-	lik/wak	ketuwa
Lain-lain	-	-	-	-	-	kapala/ kepala' (S.Kw)

### (c) Kata Ganti Nama Tunjuk, Tempat dan Kata Sendi

Berikut ialah enam contoh daripada 9 kata ganti nama tunjuk, kata ganti nama tempat dan kata sendi yang terkumpul:

- (i) *niki* = [ini]
- (ii) *niku* = [itu]
- (iii) *mriku* = [sana]
- (iv) *mriki* = [sini]
- (v) *nyang* = [ke]
- (vi) *neng* = [di]

Jadual 4.22 berikut menunjukkan contoh analisis perkataan berdasarkan bentuk tatatingkatnya masing-masing.

**Jadual 4.22 Penggunaan bahasa Jawa dalam contoh kata ganti nama tunjuk, tempat dan kata sendi**

TATATINGKAT BAHASA JAWA	Kata Ganti Nama Tunjuk, Tempat dan Kata Sendi					
	ini	itu	sana/di sana	sini/di simi	ke	di
(i) <b>krama inggil (ki)</b>	punika	punika	-	-	dhateng/teng	dipun
(ii) <b>krama (k)</b>	niki	niku	mriku	mriki	-	-
(iii) <b>krama-ngoko (k, ng)</b>	-	-	-	-	-	di
(iv) <b>ngoko (ng)</b>	iki	kuwi	kana	kene	menyang/nyang	neng/nang
Lain-lain	-	-	-	-	-	-

### (d) Anggota Tubuh Badan Luaran dan Dalaman

Berikut ialah enam contoh daripada 34 perkataan tentang anggota tubuh badan luaran dan dalaman yang terkumpul:

- (i) *sirah* = [kepala]
- (ii) *mripat* = [mata]
- (iii) *rai* = [muka]
- (iv) *asta* = [tangan]
- (v) *untu* = [gigi]
- (vi) *balung* = [tulang]

Jadual 4.23 berikut menunjukkan contoh analisis perkataan berdasarkan bentuk tatatingkatnya masing-masing.

**Jadual 4.23 Penggunaan bahasa Jawa dalam contoh kata anggota tubuh badan luaran dan dalaman**

TATATINGKAT BAHASA JAWA	Anggota Tubuh Badan Luaran & Dalaman					
	kepala	mata	badan	tangan	gigi	tulang
(i) <b>krama inggil (ki)</b>	mustaka	tingal/paningal/soca	salira	asta	waja	tosan
(ii) <b>krama (k)</b>	sirah	mripat	badan	-	-	-
(iii) <b>krama-ngoko (k, ng)</b>	-	-	-	tangan	untu	balung
(iv) <b>ngoko (ng)</b>	endhas	mata	awak	-	-	-
Lain-lain	-	-	-	-	-	-

**(e) Haiwan**

Berikut ialah enam contoh daripada 14 perkataan tentang haiwan yang terkumpul:

- (i) *manuk* = [burung]
- (ii) *macan* = [harimau]
- (iii) *iwak* = [ikan]
- (iv) *kethèk* = [monyet]
- (v) *asu* = [anjing]
- (vi) *wedhus* = [kambing]

Jadual 4.24 berikut menunjukkan contoh analisis perkataan berdasarkan bentuk tatatingkatnya masing-masing.

**Jadual 4.24 Penggunaan bahasa Jawa dalam contoh kata haiwan**

TATATINGKAT BAHASA JAWA	Haiwan					
	burung	ayam	ikan	kerbau	anjing	kambing
(i) <b>krama inggil (ki)</b>	-	ayam	ulam	maésa	segawon	ménda
(ii) <b>krama (k)</b>	peksi	ayam	ulam	-	segawon	ménda
(iii) <b>krama-ngoko (k, ng)</b>	-	-	-	-	-	-
(iv) <b>ngoko (ng)</b>	manuk	pitik	iwak	kebo	asu/anjing	wedhus/kambing
Lain-lain	-	-	-	-		-

### (f) Makanan, Minuman dan Rempah-ratus

Berikut ialah enam contoh daripada 36 perkataan tentang makanan, minuman dan rempah-ratus yang terkumpul:

- (i) *lalab* = [ulam]
- (ii) *lawuh* = [lauk]
- (iii) *toya* = [air]
- (iv) *laos* = [lengkuas]
- (v) *lombok* = [cili/lada]
- (vi) *kambil* = [kelapa]

Jadual 4.25 berikut menunjukkan contoh analisis perkataan berdasarkan bentuk tatatingkatnya masing-masing.

**Jadual 4.25 Penggunaan bahasa Jawa dalam contoh kata makanan, minuman dan rempah-ratus**

TATATINGKAT BAHASA JAWA	Makanan, Minuman dan Rempah-ratus					
	gula	nasi	air	lengkuas	garum	kelapa
(i) <b>krama inggil (ki)</b>	gendis	sekul	toya	-	sarem	-
(ii) <b>krama (k)</b>	gendis	sekul	toya	-	sarem	-
(iii) <b>krama-ngoko (k, ng)</b>	-	-	wédang	-	-	kambil
(iv) <b>ngoko (ng)</b>	gula	sega	banyu	laos	garem/uyah	kelapa/krambil
Lain-lain	-	-	-	-	-	-

### (g) Kata Nama Alam Semula Jadi

Berikut ialah enam contoh daripada 9 kata nama tentang alam semula jadi yang terkumpul:

- (i) *siti* = [tanah/bumi]
- (ii) *jawah* = [hujan]
- (iii) *watu* = [batu]
- (iv) *godhong* = [daun]
- (v) *latu* = [api]
- (vi) *kebon* = [kebun]

Jadual 4.26 berikut menunjukkan contoh analisis perkataan berdasarkan bentuk tatatingkatnya masing-masing.

**Jadual 4.26 Penggunaan bahasa Jawa dalam contoh Kata Nama Alam Semula Jadi**

TATTINGKAT BAHASA JAWA	Kata Nama Alam Semula Jadi					
	tanah/bumi	hujan	batu	daun	api	kebun
(i) <b>krama inggil (ki)</b>	siti	-	selia	ron	latu	-
(ii) <b>krama (k)</b>	siti	jawah	selia	ron	latu	-
(iii) <b>krama-ngoko (k, ng)</b>	-	-	-	-	-	kebon
(iv) <b>ngoko (ng)</b>	lemah	udan	watu	godhong	geni	-
Lain-lain	-	-	-	-	-	-

#### **(h) Kata Nama Alatan, Bahagian Luar dan Dalam Rumah**

Berikut ialah enam contoh daripada 23 kata nama tentang alatan, bahagian luar dan dalam rumah yang terkumpul:

- (i) *geraji* = [gergaji]
- (ii) *genthong* = [tempayan]
- (iii) *lawang* = [pintu]
- (iv) *andha* = [tangga]
- (v) *gelaran* = [tikar]
- (vi) *kemul* = [selimut]

Jadual 4.27 berikut menunjukkan contoh analisis perkataan berdasarkan bentuk tatatingkatnya masing-masing.

**Jadual 4.27 Penggunaan bahasa Jawa dalam contoh kata nama bahagian, alatan dalam dan luar rumah**

TATTINGKAT BAHASA JAWA	Kata Nama Bahagian, Alatan Dalam dan Luar Rumah					
	tukul besi	tempayan	pintu	tangga	tikar	bantal
(i) <b>krama inggil (ki)</b>	-	-	-	-	-	kajang sirah
(ii) <b>krama (k)</b>	-	-	konten	-	gelaran	-
(iii) <b>krama-ngoko (k, ng)</b>	-	genthong	-	andha	-	bantal
(iv) <b>ngoko (ng)</b>	pukul besi/martul	-	lawang	-	klasa	-
Lain-lain	-	-	-	-	-	-

### (i) Kata Nama Alat Perhiasan, Pakaian, Waktu dan Umum

Berikut ialah enam contoh daripada 19 kata nama tentang alat perhiasan, pakaian, waktu dan umum yang terkumpul:

- (i) *sangsangan* = [rantai leher]
- (ii) *binggel* = [rantai tangan]
- (iii) *klambi* = [baju]
- (iv) *sabuk* = [tali pinggang]
- (v) *énjing* = [pagi]
- (vi) *tiyang* = [orang]

Jadual 4.28 berikut menunjukkan contoh analisis perkataan berdasarkan bentuk tatatingkatnya masing-masing.

**Jadual 4.28 Penggunaan bahasa Jawa dalam contoh kata nama alat perhiasan, pakaian, waktu dan umum**

TATATINGKAT BAHASA JAWA	Kata Nama Alat Perhiasan, Pakaian, Waktu dan Umum					
	rantai leher	rantai tangan	baju	tali pinggang	pagi	orang
(i) <b>krama inggil (ki)</b>	sangsangan	binggel	ageman	peningset	-	tiyang
(ii) <b>krama (k)</b>	-	binggel	rasuhan	-	énjing/énjang	tiyang
(iii) <b>krama-ngoko (k, ng)</b>	kalung	-	-	sabuk	-	-
(iv) <b>ngoko (ng)</b>	-	gelang	klambi	-	ésuk	wong
Lain-lain	-	-	-	-	-	-

### (j) Kata Tugas

Berikut ialah enam contoh daripada 30 kata tugas yang terkumpul:

- (i) *saged* = [boleh]
- (ii) *sampun* = [sudah]
- (iii) *dèrèng* = [belum]
- (iv) *ngertos* = [faham]
- (v) *sedaya* = [semua]
- (vi) *nuwun* = [mohon]

Jadual 4.29 berikut menunjukkan contoh analisis perkataan berdasarkan bentuk tatatingkatnya masing-masing.

**Jadual 4.29 Penggunaan bahasa Jawa dalam contoh kata tugas**

TATATINGKAT BAHASA JAWA	Kata Tugas					
	boleh/mampu/dapat	sudah	belum	semua	terima kasih	minta/mohon
(i) <b>krama inggil (ki)</b>	saged	-	-	sedanten	kesuwun/kesuhun/nuwun mawon	nuwun/nyuwun
(ii) <b>krama (k)</b>	saged	sampun	dèrèng	sedaya	nuwun mawon/matur nuwun	nedhi/nedha
(iii) <b>krama-ngoko (k, ng)</b>	-	rampung	-	-	nedha nrima	-
(iv) <b>ngoko (ng)</b>	isa	wis	durung/urung	kabeh	-	jaluk/njaluk
Lain-lain	-	empun ( <b>md</b> )	-	-	-	-

### (k) Alatan Dapur

Berikut ialah enam contoh daripada 21 perkataan tentang alatan dapur yang terkumpul:

- (i) *landhesan* = [papan pemotong]
- (ii) *ajang* = [pinggan makan]
- (iii) *lèpèk* = [piring untuk cawan]
- (iv) *lading* = [pisau]
- (v) *kendhil* = [periuk]
- (vi) *sendhok* = [sudu]

Jadual 4.30 berikut menunjukkan contoh analisis perkataan berdasarkan bentuk tatatingkatnya masing-masing.

**Jadual 4.30 Penggunaan bahasa Jawa dalam contoh alatan dapur**

TATTINGKAT BAHASA JAWA	Alatan Dapur					
	papan pemotong	pinggan makan	cerek	pisau	senduk	sudu
(i) <b>krama inggil (ki)</b>	-	ambeng	-	-	-	lantaran
(ii) <b>krama (k)</b>	-	lancaran	-	-	-	-
(iii) <b>krama-ngoko (k, ng)</b>	landhes/landhesan	-	kendhi	lading	irus	sendhok
(iv) <b>ngoko (ng)</b>	-	ajang/piring	cèrèt	pésò	énthong	-
Lain-lain	-	-	-	-	-	-

## (l) Kata Kerja

Berikut ialah enam contoh daripada 38 kata kerja yang terkumpul:

- |       |                |   |               |
|-------|----------------|---|---------------|
| (i)   | <i>tumbas</i>  | = | [beli]        |
| (ii)  | <i>sadé</i>    | = | [jual]        |
| (iii) | <i>siram</i>   | = | [mandi]       |
| (iv)  | <i>dolan</i>   | = | [jalan-jalan] |
| (v)   | <i>mlayu</i>   | = | [lari]        |
| (vi)  | <i>ngunjuk</i> | = | [minum]       |

Jadual 4.31 berikut menunjukkan contoh analisis perkataan berdasarkan bentuk tatatingkatnya masing-masing.

**Jadual 4.31 Penggunaan bahasa Jawa dalam contoh Kata Kerja**

TATATINGKAT BAHASA JAWA	Kata Kerja					
	beli	nampak	jalan-jalan	jalan	minum	makan
(i) <b>krama inggil (ki)</b>	mundhut	tingal	ameng-ameng	tindak	ngunjuk	dhahar
(ii) <b>krama (k)</b>	tumbas	sumerep	-	mlampah	nginum	nedha/nedhi
(iii) <b>krama-ngoko (k, ng)</b>	-	ketok	dolan	-	-	-
(iv) <b>ngoko (ng)</b>	tuku	roh/weruh	-	mlaku	ngombe	mangan/madang
Lain-lain	-	-	-	-	-	-

## (m) Kata Adjektif (Manusia)

Berikut ialah enam contoh daripada 17 kata adjektif (manusia) yang terkumpul:

- |       |              |   |           |
|-------|--------------|---|-----------|
| (i)   | <i>nèm</i>   | = | [muda]    |
| (ii)  | <i>sepuh</i> | = | [tua]     |
| (iii) | <i>tuwuk</i> | = | [kenyang] |
| (iv)  | <i>luwé</i>  | = | [lapar]   |
| (v)   | <i>sumuk</i> | = | [rimas]   |
| (vi)  | <i>ajrih</i> | = | [takut]   |

Jadual 4.32 berikut menunjukkan contoh analisis perkataan berdasarkan bentuk tatatingkatnya masing-masing.

**Jadual 4.32 Penggunaan bahasa Jawa dalam contoh kata adjektif (manusia)**

TATATINGKAT BAHASA JAWA	Kata Adjektif (manusia)					
	muda	tua	kenyang	selamt/sejahtera	sakit	takut
(i) <b>krama inggil (ki)</b>	timur	-	-	sugeng	gering/gerah	ajrih
(ii) <b>krama (k)</b>	nèm	sepuh	tuwuk/sabeg	wilujeng	sakit	ajrih
(iii) <b>krama-ngoko (k, ng)</b>	enèm	-	-	-	-	-
(iv) <b>ngoko (ng)</b>	nom	tuwek/tuwa	warek	slamet	lara	wedi
Lain-lain	-	-	-	-	-	-

### **(n) Kata Adjektif (Benda)**

Berikut ialah enam contoh daripada 45 kata adjektif (benda) yang terkumpul:

- (i) *alit* = [kecil]
- (ii) *ageng* = [besar]
- (iii) *atos* = [keras]
- (iv) *garing* = [kering]
- (v) *resik* = [bersih]
- (vi) *regeed* = [kotor]

Jadual 4.33 berikut menunjukkan contoh analisis perkataan berdasarkan bentuk tatatingkatnya masing-masing.

**Jadual 4.33 Penggunaan bahasa Jawa dalam contoh kata adjektif (benda)**

TATTINGKAT BAHASA JAWA	Kata Adjektif (benda)					
	kecil	besar	banyak	sejuk	baru	bau
(i) <b>krama inggil (ki)</b>	-	ageng	-	-	-	ngganda
(ii) <b>krama (k)</b>	alit	ageng	kathah	asrep	énggal	mambet
(iii) <b>krama-ngoko (k, ng)</b>	-	-	-	-	-	-
(iv) <b>ngoko (ng)</b>	cilik	gedhe	akèh/okeh	adhem/anyep	anyar	mambu
Lain-lain	-	-	-	-	-	-

### (o) Kata Adjektif (Jarak dan Waktu)

Berikut ialah enam contoh daripada 14 kata adjektif (jarak dan waktu) yang terkumpul:

- |       |               |   |          |
|-------|---------------|---|----------|
| (i)   | <i>celak</i>  | = | [dekat]  |
| (ii)  | <i>tebih</i>  | = | [jauh]   |
| (iii) | <i>dangu</i>  | = | [lama]   |
| (iv)  | <i>inggil</i> | = | [tinggi] |
| (v)   | <i>dalu</i>   | = | [lewat]  |
| (vi)  | <i>énggal</i> | = | [cepat]  |

Jadual 4.34 berikut menunjukkan contoh analisis perkataan berdasarkan bentuk tatatingkatnya masing-masing.

**Jadual 4.34 Penggunaan bahasa Jawa dalam contoh kata adjektif (jarak dan waktu)**

TATATINGKAT BAHASA JAWA	Kata Adjektif (jarak dan waktu)					
	dekat	jauh	lama	tinggi	lewat	cepat
(i) <b>krama inggil (ki)</b>	-	tebih	dangu	-	-	énggal
(ii) <b>krama (k)</b>	celak	tebih	dangu	inggil	dalu	énggal
(iii) <b>krama-ngoko (k, ng)</b>	-	-	-	-	-	-
(iv) <b>ngoko (ng)</b>	cepak/cedhek/cedhak	adoh	suwé	dhuwur	bengi/wengi	gelis/endang
Lain-lain	-	-	-	-	-	-

### (p) Kata Bilangan

Berikut ialah enam contoh daripada 38 kata bilangan yang terkumpul:

- |        |                  |   |            |
|--------|------------------|---|------------|
| (i)    | <i>setunggil</i> | = | [satu]     |
| (ii)   | <i>kalih</i>     | = | [dua]      |
| (iii)  | <i>telu</i>      | = | [tiga]     |
| (iv)   | <i>sekawan</i>   | = | [empat]    |
| (v)    | <i>gangsal</i>   | = | [lima]     |
| (vi)   | <i>enem</i>      | = | [enam]     |
| (vii)  | <i>pitu</i>      | = | [tujuh]    |
| (viii) | <i>wolu</i>      | = | [lapan]    |
| (ix)   | <i>sanga</i>     | = | [sembilan] |
| (x)    | <i>sadasa</i>    | = | [sepuluh]  |

Jadual 4.35 berikut menunjukkan contoh analisis perkataan berdasarkan bentuk tatatingkatnya masing-masing.

**Jadual 4.35 Penggunaan bahasa Jawa dalam contoh kata bilangan**

TATATINGKAT BAHASA JAWA	Kata Bilangan									
	satu	dua	tiga	empat	lima	enam	tujuh	lapan	sembilan	sepuluh
(i) krama inggil (ki)	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
(ii) krama (k)	setunggil	kalih	tiga	sekawan	gangsal	-	-	-	-	sadasa
(iii) krama-ngoko (k, ng)	-	-	-	-	-	enem	pitu	wolu	sanga	-
(iv) ngoko (ng)	siji	loro	telu	papat	lima	nenem/ nem	-	-	-	sepuluh
Lain-lain	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-

Setiap perkataan dianalisis bagi menentukan tatatingkat bahasanya. Analisis yang dibuat adalah berdasarkan 387 perkataan daripada 16 golongan kata yang terkumpul, sebagaimana yang ditunjukkan dalam Jadual 4.36 berikut, manakala Jadual 4.37 halaman 134 adalah contoh hasil analisis yang dibuat ke atas dapatan daripada GI.

**Jadual 4.36 Penggunaan bahasa Jawa dan bahasa lain oleh setiap generasi dalam perbendaharaan kata**

GENERASI	PENGUNAAN BAHASA JAWA				Lain-lain	Bahasa Melayu (m)
	krama inggil (ki)	krama (k)	krama-ngoko (k, ng)	ngoko (ng)		
<b>GI (&gt; 61 tahun)</b>	47	100	143	92	0	5
<b>GII (46 – 60 tahun)</b>	26	52	135	156	0	18
<b>GIII (31 – 45 tahun)</b>	9	24	132	196	0	26
<b>GIV (15 – 30 tahun)</b>	5	10	119	183	0	70

**Jadual 4.37 Penggunaan bahasa Jawa dan bahasa lain bagi GI dalam perbendaharaan kata**

GENERASI	PENGGUNAAN BAHASA JAWA				Lain-lain	Bahasa Melayu (m)
	krama inggil (ki)	krama (k)	krama-ngoko (k, ng)	ngoko (ng)		
(a) Kata Persanakan dan Panggilan Kekeluargaan	3	4	7	9	0	0
(b) Kata Ganti Nama Diri, Panggilan Khusus dan Panggilan dalam Komuniti	3	0	2	10	0	1
(c) Kata Ganti Nama Tunjuk, Tempat dan Kata Sendi	1	7	0	1	0	0
(d) Anggota Tubuh Badan Luaran dan Dalaman	1	3	24	3	0	3
(e) Haiwan	3	1	3	7	0	0
(f) Makanan, Minuman dan Rempah-ratus	4	2	17	13	0	0
(g) Kata Nama Alam Semula Jadi	1	1	2	5	0	0
(h) Kata Nama Alatan, Bahagian Luar dan Dalam Rumah	0	1	16	5	0	1
(i) Kata Nama Alat Perhiasan, Pakaian, Waktu dan Umum	1	5	5	8	0	0
(j) Kata Tugas	5	21	3	2	0	0
(k) Alatan Dapur	0	0	16	5	0	0
(l) Kata Kerja	13	15	7	3	0	0
(m) Kata Adjektif (Manusia)	2	6	6	3	0	0
(n) Kata Adjektif (Benda)	6	6	20	13	0	0
(o) Kata Adjektif (Jarak dan Waktu)	4	4	1	5	0	0
(p) Kata Bilangan	0	24	14	0	0	0
<b>JUMLAH PERKATAAN KESELURUHAN: 387</b>	<b>47 (12.1%)</b>	<b>100 (25.8%)</b>	<b>143 (37%)</b>	<b>92 (23.8%)</b>	<b>0 (0%)</b>	<b>5 (1.3%)</b>


Berdasarkan analisis dapatan yang diambil daripada dapatan GI dalam Jadual 4.37 di atas, penggunaan bentuk krama (k) masih dianggap tinggi, iaitu berjumlah 100 perkataan meliputi sebanyak 25.8% daripada jumlah keseluruhan dapatan yang berdasarkan golongan kata adjektif (benda). Penggunaan bentuk krama inggil (ki) pula berjumlah sebanyak 47 perkataan meliputi 12.1%, krama-ngoko (k,ng) 143 perkataan meliputi 37%, bentuk ngoko (ng) 92 perkataan meliputi sebanyak 23.8% dan bahasa Melayu 5 perkataan meliputi 1.3%. Berdasarkan Jadual 4.37 ini juga, kata kerja (kk) mencatatkan jumlah penggunaan krama (k) yang tinggi, iaitu sebanyak 15 perkataan, diikuti krama inggil (ki) sebanyak 13

perkataan, krama-ngoko (k, ng) 7 perkataan dan ngoko (ng) 3 perkataan. Antara kk yang dianggap lebih diketahui dan sering dituturkan oleh kalangan informan terutama informan GI di kawasan kajian ialah:

- |        |                               |   |                    |
|--------|-------------------------------|---|--------------------|
| (i)    | <i>mlampah</i> (k)            | = | [jalan]            |
| (ii)   | <i>nedhi</i> (k)              | = | [makan]            |
| (iii)  | <i>ngunjuk</i> (k)            | = | [minum]            |
| (iv)   | <i>mlebet</i> (k)             | = | [masuk]            |
| (v)    | <i>sumerep</i> (k)            | = | [nampak]           |
| (vi)   | <i>anggo/enggo/kanggé</i> (k) | = | [pakai]            |
| (vii)  | <i>tilem</i> (k)              | = | [tidur]            |
| (viii) | <i>tanduk</i> (ki)            | = | [tambah]           |
| (ix)   | <i>lenggah</i> (ki)           | = | [duduk]            |
| (x)    | <i>mangga</i> (k)             | = | [sila/jemput/naik] |
| (xi)   | <i>tindak</i> (ki)            | = | [pergi]            |
| (x)    | <i>tumbas</i> (k)             | = | [beli]             |
| (xi)   | <i>wangsul</i> (k)            | = | [balik]            |
| (xii)  | <i>ènten</i> (k)              | = | [ada]              |

#### 4.2.5 Perbincangan

Berdasarkan dapatan mengenai ungkapan memohon maaf atau *badhan* ini, rajah piramid terbalik berikut dipilih untuk menggambarkan fenomena penggunaan bahasa Jawa yang berlaku di kawasan kajian.



**Rajah 4.5 Struktur ungkapan memohon maaf berdasarkan keempat-empat generasi**

Dapatan kajian menunjukkan bahawa data *badhan* yang diperolehi daripada GI adalah berbeza berbanding dengan GII, GIII dan GIV terutama dari segi jumlah perkataan dan pemilihan perkataannya sebagaimana yang dipaparkan dalam Jadual 4.1 halaman 86. Contoh *badhan* GI dalam jadual ini mengandungi sebanyak 35 perkataan, 2 perkataan bentuk krama inggil (ki), 15 perkataan bentuk krama (k), 10 perkataan daripada bahasa-bahasa lain seperti bahasa Arab (Ar), Kawi (Kw), Sanskrit (S), Jawa kuno (Jk) dan bahasa Indonesia (I), 4 bahasa Melayu dan bentuk krama-ngoko (k,ng) serta bentuk ngoko (ng) yang masing-masingnya sebanyak 2 perkataan. Berikut ialah empat contoh *badhan* daripada setiap generasi.

### Jadual 4.38 Contoh ungkapan *badhan* daripada GI, GII, GIII dan GIV

<b>INFORMAN DAN BADHAN MEREKA</b>			
<b>GI (Usia: 61 tahun ke atas)</b>	<b>GII (Usia: 46 -60 tahun)</b>	<b>GIII (Usia: 31-45 tahun)</b>	<b>GIV (Usia: 15-30 tahun)</b>
<b>Informan 1 G1K1 (Informan utama)</b> <p>“Kula nuwun ngaturaken sedhaya kelepatan kula kalih sampéyan seng kathah-kathah, lahir batin awal akhir, lampah kula setindak wiraos kula sekelimah kang mboten angsal lidhi neng sarak mugi Allah Taala lebura dusa kula lan dusa sampéyan samporna sedinten ari adhén (riadin).”</p> <p>Bermaksud:  [Saya memohon berbanyak-banyak ampun dan maaf zahir batin atas segala salah dan silap saya dengan awak, baik tutur kata mahupun tingkah-laku saya walau sebesar manapun semoga Allah Taala mengampunkan dosa saya bersempena hari raya ini.]</p>	<b>Informan 3 GIIK2</b> <p>“Kula nuwun ngaturaken sedhaya kelepatan kula kalih sampéyan seng kathah-kathah, lahir batin awal akhir.”</p> <p>Maksudnya:  [Saya memohon berbanyak-banyak ampun dan maaf zahir batin atas segala salah dan silap saya dengan awak.]</p>	<b>Informan 1 GIIIK2</b> <p>“Keluputanku yu/wak/lik seng kathah-kathah lahir batin awal akhir.”</p> <p>Bermaksud:  [Kakak/Cik/Pak cik/Mak cik, saya mohon berbanyak-banyak ampun dan maaf zahir dan batin.]</p>	<b>Informan 3 GIV</b> <p>“Keluputanku embah seng akèh-akèh lahir batin awal akhir.”</p> <p>Bermaksud:  [Tuk/Nenek, saya memohon berbanyak-banyak ampun dan maaf zahir dan batin.]</p>
<b>JAWAPAN/UNGKAPAN BALAS UNTUK BADHAN</b>			
Umumnya jawapan bagi ungkapan tersebut ialah seperti berikut: <p>“Kula inggih semonten mugi kalih sampéyan seng kathah-kathah, lahir batin awal akhir.”</p> <p>ATAU</p> <p>“Kula inggih semonten mugi kalih sampéyan seng kathah-kathah, lahir batin awal akhir ...” (diikuti dengan ungkapan yang sama dengan yang telah diucapkan oleh penutur pertama tadi atau bergantung kepada kemahiran dan kebiasaan masing-masing)</p> <p>Bermaksud:  [Ya, saya pun begitu juga memohon berbanyak-banyak ampun dan maaf zahir batin kepada awak.]</p>	GII akan menyambut ungkapan tersebut dengan sepotong ayat yang amat ringkas, iaitu: <p>“Ya, seng padha-padha ...” (diikuti dengan ungkapan yang sama dengan yang telah diucapkan oleh penutur pertama tadi atau bergantung kepada kemahiran dan kebiasaan masing-masing)</p> <p>Bermaksud:  [Ya, sama-sama.... ]</p>	GIII juga menyambut ungkapan tersebut dengan sepotong ayat yang amat ringkas, iaitu: <p>“Ya, padha-padha. ...” (diikuti dengan ungkapan yang sama dengan yang telah diucapkan oleh penutur pertama tadi atau bergantung kepada kemahiran dan kebiasaan masing-masing)</p> <p>Bermaksud:  [Ya, sama-sama.... ]</p>	GIV akan menyambut ungkapan tersebut dengan sepotong ayat yang amat ringkas dan hampir sama sebagaimana jawapan oleh GIII, iaitu: <p>“Padha-padha. ...” (diikuti dengan ungkapan yang sama dengan yang telah diucapkan oleh penutur pertama tadi).</p> <p>Bermaksud:  [Sama-sama.... ]</p>

Berdasarkan Jadual 4.38 di atas, ayat GI lebih panjang dan lebih kompleks berbanding ungkapan *badhan* GII, GIII dan GIV. Perbezaan dari segi jumlah perkataan dan pemilihan kata-kata ini juga dapat dilihat berdasarkan ungkapan balas untuk *badhan*. Begitu juga ungkapan balas atau jawapan daripada GI lebih panjang berbanding ungkapan balas oleh GII, GIII dan GIV.

Merujuk Jadual 4.2, 4.3 dan 4.4 halaman 94 berikut dibentangkan secara ringkas jumlah perkataan dan bentuk-bentuk bahasa dalam ungkapan *badhan* GI, GII, GIII dan GIV.

**Jadual 4.39 Penggunaan perkataan dan bentuk-bentuk bahasa dalam ungkapan *badhan* GI, GII, GIII dan GIV**

GENERASI	BAHASA JAWA				Lain-lain	Bahasa Melayu (m)	JUMLAH
	krama inggil (ki)	krama (k)	krama-ngoko (k, ng)	ngoko (ng)			
<b>G1K1</b>	<b>2</b>	<b>15</b>	<b>2</b>	<b>2</b>	<b>10</b>	<b>4</b>	<b>35</b>
<b>GIIK2</b>	<b>1</b>	<b>6</b>	<b>1</b>	<b>1</b>	<b>0</b>	<b>4</b>	<b>13</b>
<b>GIIIK2</b>	<b>0</b>	<b>2</b>	<b>0</b>	<b>5</b>	<b>0</b>	<b>4</b>	<b>11</b>
<b>GIV</b>	<b>0</b>	<b>1</b>	<b>0</b>	<b>4</b>	<b>0</b>	<b>4</b>	<b>9</b>

Berdasarkan Jadual 4.39 di atas, satu perkataan bentuk krama (k) yang masih terus dituturkan sehingga GIV itu ialah perkataan *keluputan* yang bermaksud memohon ampun dan maaf. Bagaimanapun, penyelidik telah memperolehi ungkapan badhan yang diungkapkan sepenuhnya dalam bentuk bahasa Jawa ngoko (ng). Contohnya, “*Embah, aku njaluk ngapura ya.*” Atau “*Mak/Pak/Embah, aku njaluk maap, ya.*” Kedua-dua ungkapan ini bermaksud [“Tuk/Nenek/Emak/Bapa, saya minta maaf, ya.”] Dengan sebab itu, penutur asal bahasa Jawa bentuk krama (k) di kawasan kajian ialah generasi GI.

Sementara itu, dapatan bagi ungkapan bahasa kiasan, doa dan lafaz niat pula mendapat bahawa penggunaan bahasa Jawa bentuk ngoko (ng) juga mencatatkan jumlah tertinggi, berbanding bentuk bahasa Jawa yang lain. Penggunaan bentuk ngoko (ng) ini begitu ketara dalam pantun dan doa. Doa merupakan ungkapan yang lahir daripada adanya hasrat atau keinginan di dalam hati sanubari individu terbabit. Lafaz niat yang diungkapkan ini juga berkemungkinan dipetik daripada ayat al-Quran. Jadi, terpulang kepada setiap individu bagaimana cara dan dalam bentuk bahasa apa yang hendak digunakan untuk melafazkan niat mereka. Tambahan pula berdasarkan tinjauan dan pemerhatian serta temu bual secara tidak

langsung bersama masyarakat di kawasan kajian, mendapati bahawa masyarakat di sini lebih selesa bertutur dalam bahasa Jawa ngoko (ng), hatta semasa melafazkan niat atau berdoa sekalipun, di samping adanya pengetahuan bahawa manusia boleh menggunakan apa juga bentuk bahasa apabila melafazkan niat atau berdoa kepada Tuhan. Dengan sebab itu, Jadual 4.40 berikut menunjukkan peratus perolehan penggunaan bahasa Jawa ngoko (ng) yang tinggi, iaitu sebanyak 96.7% dan diikuti oleh bahasa Jawa bentuk krama-ngoko (k, ng) berjumlah 54.3%. Pada keseluruhannya, penjelasan ini dapat dilihat melalui Jadual 4.40 berikut.

**Jadual 4.40 Penggunaan bahasa Jawa dan bahasa lain dalam bahasa kiasan, doa dan lafaz niat**

BENTUK DAPATAN		BAHASA JAWA				Lain-lain	Bahasa Melayu (m)
		krama inggil (ki)	krama (k)	krama-ngoko (k, ng)	ngoko (ng)		
(a) Bahasa kiasan	(i) Peribahasa	2	3	9	8	0	0
	(ii) Simpulan Bahasa	0	0	3	6	0	0
	(iii) Perumpamaan	0	0	2	9	0	1
	(iv) Pantun	1	11	19	34	4	8
(b) Doa		0	0	15	27	13	2
(c) Lafaz niat		0	1	2	5	4	1
<b>JUMLAH:</b> 92		<b>3</b> (3.3%)	<b>15</b> (16.3%)	<b>50</b> (54.3%)	<b>89</b> (96.7%)	<b>21</b> (22.8%)	<b>12</b> (13%)

Berdasarkan koleksi dapatan, GI memberi input yang lebih menarik untuk dapatan yang berasaskan bahasa kiasan sebagaimana yang ditunjukkan dalam Jadual 4.6, 4.7, 4.8, 4.9 dan 4.10 di halaman 97, 99, 101, 102 dan 107. Berdasarkan jadual-jadual ini, dapatan dalam kategori perumpamaan mendapat jumlah pengumpulan tertinggi, iaitu sebanyak 30, diikuti oleh peribahasa sebanyak 22, simpulan bahasa sebanyak 21 dan pantun sebanyak 13 (rujuk Jadual 4.6 halaman 97).

Jumlah koleksi tertinggi seperti koleksi perumpamaan ini menunjukkan bahawa budaya masyarakat Jawa gemar menyampaikan rasa hati secara berterus terang atau untuk memberi teguran tetapi luahan itu dizahirkan melalui perumpamaan atau perlambangan tertentu yang difikirkan sesuai berdasarkan penglihatan dunia masing-masing.

Hasil analisis menunjukkan bahawa hanya peribahasa dan pantun yang menggunakan perkataan krama inggil (ki). Bagaimanapun, jumlahnya amatlah kecil, iaitu peribahasa mengandungi hanya 2 perkataan bentuk krama inggil (ki) dan 1 perkataan dalam pantun (rujuk Jadual 4.40 halaman 139). Kebanyakkan perkataan yang digunakan untuk membentuk frasa-frasa bahasa kiasan ini terdiri daripada bahasa Jawa bentuk krama (k), krama-ngoko (k,ng) dan bentuk ngoko (ng).

Penggunaan bahasa Jawa bentuk krama (k) juga menampakkan penyusutan daripada dapatan yang berasaskan ayat. Berdasarkan analisis, penyusutan yang berlaku bermula daripada GII. Merujuk Jadual 4.14 halaman 116 ayat sapaan, iaitu “*Sampéyan ajeng teng pundi?*”, ayat ini adalah dalam tatatingkat bahasa Jawa bentuk krama (k), namun sebenarnya ayat ini juga dituturkan dalam bentuk lain, sebagaimana yang ditunjukkan di bawah ini.

(Bahasa Jawa bentuk krama inggil)

- (i) “*Panjenengan/Dalém ajeng tindak pundi?*”
- (ii) “*Panjenengan/Dalém ajeng teng pundi?*”

(Bahasa Jawa bentuk krama)

- (i) “*Sampéyan ajeng teng pundi?*”
- (ii) “*Sampéyan ajeng kesah pundi?*”

(Bahasa Jawa bentuk ngoko)

- (i) “*Kowé arep menyang di?*”
- (ii) “*Kowé arep nyang di?*”
- (iii) “*Kowé arep lunga di?*”

Kesemua ayat di atas bermaksud:

[“Tuan/Puan/Saudara/Saudari/Awak/Kamu/Engkau/Kau hendak ke mana?”]  
(bahasa Malaysia)

Biasanya jawapan bagi ayat di atas ialah:

- (i) “*Kula ajeng teng peken.*” (bahasa Jawa bentuk krama)
- (ii) “*Aku arep nang pasar.*” (bahasa Jawa ngoko)
- (iii) “*Aku arep lunga pasar.*” (bahasa Jawa ngoko)

Bermaksud: [“Saya hendak ke pasar.”] (bahasa Malaysia)

Bentuk krama inggil (ki) dan bentuk krama (k) hanya dibezakan melalui penggunaan kata ganti nama diri (kgnd) dan kata sendi (ks), iaitu *panjenengan* atau *dalém* sebagai kgnd dan *tindak* atau *teng* sebagai ks bagi bentuk krama inggil (ki), manakala *sampéyan* sebagai kgnd dan *teng* atau *kesah* sebagai ks bagi bentuk krama (k).

Perkataan *teng* adalah singkatan bagi perkataan *dhateng* yang bermaksud [ke]. Dalam bahasa Jawa, *teng* atau *dhateng* berada pada dua tatatingkat yang sama, iaitu krama (k). Perkataan *nyang* pula adalah singkatan bagi perkataan *menyang* yang juga bermaksud [ke], tetapi perkataan ini berada pada tatatingkat bahasa Jawa bentuk ngoko (ng).

Di samping itu, perkataan *ajeng* dan *arep* adalah tergolong dalam kata tugas (kt) yang mempunyai bentuk tatatingkat bahasa masing-masing yang bermaksud [hendak]. *Ajeng*

berada pada tatatingkat bahasa bentuk krama (k) dan *arep* berada pada tatatingkat bahasa bentuk ngoko (ng). Kedua-duanya mempunyai penuturnya sendiri. Penutur *ajeng* terdiri daripada GI dan sebilangan besar GII, manakala penutur *arep* terdiri daripada GIII dan GIV serta sebilangannya daripada GII yang kurang mahir berbahasa bentuk krama (k).

Ulasan ayat di atas diperkuuhkan lagi dengan hasil kajian ini yang mendapati bahawa dalam pertuturan harian, masyarakat di kawasan kajian lebih suka menggunakan bahasa Jawa bentuk ngoko (ng) atau lebih dikenali sebagai bahasa Jawa kasar atau bahasa Jawa basahan. Berdasarkan contoh-contoh ayat di halaman 140 dan 141, pilihan penutur di kawasan kajian ialah ayat bahasa Jawa bentuk ngoko (ng), nombor (ii) dan (iii), iaitu:

- (ii) “*Kowé arep nyang di?*”
- (iii) “*Kowé arep lunga di?*”

Jawapannya,


- (ii) “*Aku arep nang pasar.*”
- (iii) “*Aku arep lunga pasar.*”


Merujuk kepada kk yang disenaraikan di halaman 135, kk seperti perkataan *ngunjuk*, *mlebet*, *mangga* dan *wangsul*, kesemuanya adalah perkataan bentuk krama (k). Namun begitu, dalam pertuturan harian informan terutama GII, GIII dan GIV, mereka lebih gemar mempraktikkan bentuk ngoko (ng), misalnya “*ngombe*” bagi *ngunjuk*, “*melebu*” bagi *mlebet*, “*ayok*” atau “*yok*” bagi *mangga* dan [balik] bagi *wangsul*. Tanpa disedari di sini sudah ada percampuran kod dalam pertuturan harian informan kerana perkataan [balik] adalah perkataan bahasa Melayu, sedangkan dalam bahasa Jawa ialah *bali*. Bunyi konsonan [k] sering kedengaran apabila informan menyebut perkataan ini di sepanjang tempoh

penyelidikan dibuat di kawasan kajian. Malahan, masyarakat di kawasan kajian akan bertutur dalam bahasa Melayu apabila bertutur dengan anak-anak dan cucu mereka.


#### (a) Penguasaan dan Penggunaan Bahasa Jawa di Kawasan Kajian

Berdasarkan Langkah 1 pada Peringkat Kedua Kajian dalam kaedah pemungutan data, hasil tinjauan, permerhatian dan temu bual mendapati bahawa informan di kampung kajian menggunakan lebih daripada satu bahasa dalam aktiviti sehari-hari mereka. Selain bahasa Jawa, mereka juga menggunakan bahasa Melayu terutama apabila bertutur dengan anak cucu mereka. Untuk menelusuri sejauh mana penggunaan bahasa Jawa dan tatatingkatnya dalam kalangan masyarakat di kampung kajian ini sama ada mereka boleh dikategorikan sebagai penutur dwibahasa atau tribahasa, enam soalan telah dikemukakan kepada informan. Gambaran keseluruhan jawapan kepada keenam-enam soalan dipaparkan dalam Lampiran 7.







**Rajah 4.7 Soalan 2: Tahap kecenderungan informan berbahasa Jawa bentuk krama (k).**




**Rajah 4.8 Soalan 3(a): Tahap penggunaan bahasa Jawa bentuk krama (k) dalam pertuturan informan bersama ibu bapa.**

Pada umumnya, hanya dua bahasa yang dominan, iaitu bahasa Jawa dan bahasa Melayu. Dapatan kajian menunjukkan bahawa campuran bahasa Jawa dan bahasa Melayu sering digunakan dalam pertuturan sehari-hari. Pola bahasa ini secara tidak langsung menggambarkan masyarakat di kampung kajian ini merupakan masyarakat dwibahasa. Berdasarkan tinjauan, hanya segelintir masyarakat di kampung kajian terutama GI dan GII yang mengetahui adanya tatatingkat dalam bahasa Jawa, namun tidak secara terperinci sebagaimana yang diuraikan dalam kamus. Kebanyakan informan di kawasan kajian mengistilahkannya sebagai *bahasa Jawa halus* atau *basa* untuk bahasa Jawa bentuk krama (k) dan *bahasa Jawa kasar* atau *basahan* bagi bahasa Jawa bentuk ngoko (ng). Majoriti masyarakat di kawasan kajian bertutur menggunakan bahasa Jawa bentuk ngoko (ng), dan mereka akan bertutur dalam bahasa Melayu (m) apabila bertutur dengan anak dan cucu, lebih-lebih lagi jika anak dan cucu mereka itu masih kecil atau masih di bangku sekolah.


Situasi dwibahasa di kawasan kajian tersebut digambarkan pada Rajah 4.9 halaman 146 yang menunjukkan sebanyak 26% menggunakan bahasa Melayu (m), 58% menggunakan bahasa Jawa bentuk ngoko (ng) dan hanya 16% menggunakan bahasa Jawa bentuk krama (k) apabila bertutur dengan ibu bapa mereka. Apatah lagi apabila kaji selidik mendapati bahawa sebanyak 85% informan menyatakan bahawa penggunaan bahasa Jawa bentuk krama (k) ini hanya bergantung kepada keadaan atau orang yang diajak bertutur (rujuk Rajah 4.10 halaman 146). Situasi dwibahasa ini juga ditunjukkan dalam Rajah 4.11 halaman 147 yang memaparkan penggunaan dua bahasa yang dominan, iaitu bahasa Jawa bentuk ngoko (ng) dan bahasa Melayu (m). Penggunaan bahasa Melayu (m) mencatatkan sehingga 95% dalam kalangan kanak-kanak atau cucu (f), manakala penggunaan bahasa Jawa bentuk ngoko (ng) mencapai sehingga 69% dalam pertuturan dengan rakan sebaya (d).





Merujuk Rajah 4.11 di atas, butiran terperincinya adalah seperti berikut:

- (a) Ahli keluarga (c) Orang kampung (e) Orang yang lebih muda  
 (b) Adik-beradik (d) Rakan sebaya (f) Kanak-kanak/cucu



Merujuk Rajah 4.12 di atas, petunjuk butirannya adalah seperti berikut:

- (a) Ibu (c) Datuk sebelah bapa (e) Datuk sebelah ibu  
 (b) Bapa (d) Nenek sebelah bapa (f) Nenek sebelah ibu

Maka persoalannya ialah bolehkah mereka menjadi pewaris bahasa ini sebagaimana generasi GI? Sejauhmanakah mereka mampu bertutur dan berapa banyakkah jumlah perkataan, frasa dan ayat yang mereka ketahui? Dalam konteks ini perkataan waris, pewaris atau mewarisi bukan sahaja berkait dengan harta benda atau wang ringgit, malah lebih penting ia berkaitan dengan soal jati diri, tahu akan asal usul diri sendiri, keluarga, bangsa dan bahasanya, kenal identiti sendiri, bahkan kenal siapa diri kita sendiri. Oleh sebab itu, mengetahui nama ibu, bapa, datuk dan nenek juga merangkumi dalam aspek ini. Hal ini amat penting bagi setiap individu dalam kalangan generasi baru (GIV) memelihara khazanah dan warisan bangsanya daripada mengalami fenomena kepupusan.

Justeru, domain merupakan satu daripada aspek kajian yang boleh memberi gambaran tentang kehilangan sesuatu bahasa (Fishman, 1972). Menurutnya, “*... domain is important in analysing language use and to study the phenomena of language maintenance and shift.*” (Fishman, 1972a). Bagaimanapun, kajian ini hanya melibatkan satu domain, iaitu domain rumah atau domain keluarga. Domain ini dilihat mampu mencorakkan pola bahasa masyarakat di kampung kajian.

### **(i) Penguasaan dan Penggunaan Bahasa Jawa dalam Ungkapan Memohon Maaf**


Berdasarkan analisis, adalah tidak keterlaluan dinyatakan di sini bahawa apabila sampai pada peringkat GIII menjadi GI, penggunaan bahasa Jawa bentuk krama inggil (ki) dan bentuk krama (k) dijangkakan tidak akan wujud lagi. Komuniti pada ketika itu dijangkakan akan hanya menggunakan bahasa Jawa bentuk krama untuk ungkapan *badhan* yang ringkas, yang hanya menggunakan perkataan *keluputan* atau *kelepatan* sahaja. Sebagai contoh:

(i) “*Keluputanku embah/mak/pak, sing akeh-akeh lahir batin awal akhir.*”

Bermaksud:

[Tuk/Nenek/Emak/Bapa, saya memohon berbanyak-banyak ampun dan maaf, zahir batin.]

Jadual 4.5 halaman 96 dan Rajah 4.13 halaman 150 menggambarkan fenomena ini berdasarkan penggunaan bahasa Jawa dalam ungkapan memohon maaf (*badhan*) bagi setiap generasi. Hal ini berlaku mungkin kerana *badhan* bukan diperolehi secara formal, tetapi ia diturunkan kepada yang mahu mempelajari dan seterusnya menggunakan.



**Rajah 4.13 Penguasaan dan penggunaan bahasa Jawa dan bahasa lain oleh setiap generasi dalam ungkapan *badhan*.**

**(ii) Penguasaan dan Penggunaan Bahasa Jawa dalam Ungkapan Bahasa Kiasan, Doa dan Lafaz Niat**

Berlainan dengan *badhan*, ungkapan bahasa kiasan, doa dan lafaz niat memiliki kriteria yang tersendiri dalam kehidupan penggunanya. Penyampaian ungkapannya dalam bahasa Jawa adalah tertakluk kepada situasi semasa ia diungkapkan. Berdasarkan kajian di lapangan dan meneliti hasil analisis ke atas semua dapatan dalam kategori ini, masyarakat di kawasan kajian lebih cenderung bertutur dalam bahasa Jawa bentuk ngoko (ng) berbanding bentuk krama inggil (ki) atau krama (k). Penggunaan bahasa Jawa ngoko (ng) mendahului bentuk bahasa yang lain, iaitu sehingga mencapai sebanyak 96.7% diikuti dengan bentuk krama-  
ngoko (k, ng), 54.3%, lain-lain 22.8%, krama (k), 16.3%, bahasa Melayu (m), 13% dan yang paling rendah jumlahnya ialah krama inggil (ki) sebanyak 3.3% sahaja, sebagaimana yang ditunjukkan dalam Jadual 4.40 halaman 139.

Dalam situasi yang dianggap formal atau terdapat ramai golongan GI, maka penggunaan bahasa Jawa bentuk krama (k) digunakan. Contohnya dalam situasi berbahasa untuk menyatakan penghargaan dan terima kasih, maka ungkapan yang dirasakan sesuai digunakan ialah seperti:

- (i) "Kirang tandang asta kalih tampah ditadhahké."

Bermaksud:

[Kurang tapak tangan, nyiru saya tадахкан.]

Bentuk-bentuk bahasa Jawa yang digunakan dalam ungkapan peribahasa di atas dipaparkan dalam Jadual 4.7 halaman 99.

Bagaimanapun, adakalanya masyarakat di kawasan kajian tidak melihat penggunaan bentuk krama itu sebagai satu kemestian, sebaliknya apa yang penting ialah hasrat mereka untuk menyatakan sesuatu itu kesampaian, contohnya apabila berlaku kematian. Sebagai saudara, sahabat atau mungkin seorang daripada orang yang rapat dengan si mati, maka doa yang berikut ini dilafazkan:

(i) “*Ya, didongakké moga-moga jembar kuburé, padhang dalané, diaku imané.*”

Bermaksud:

[Ya, didoakan semoga diampunkan dosanya, diterima segala amalannya dan dipermudahkan jalannya ke syurga.]


Bentuk-bentuk bahasa Jawa yang digunakan dalam ungkapan doa di atas dipaparkan dalam Jadual 4.11 halaman 112.

Berdasarkan Jadual 4.6 halaman 97, GI mempunyai koleksi dapatan tertinggi berbanding GII, GIII dan GIV. Daripada jumlah keseluruhan koleksi, iaitu sebanyak 92, sebanyak 38 telah diperolehi daripada informan GI melalui peribahasa sebanyak 6, simpulan bahasa 12, perumpamaan 9, pantun 5, doa sebelum tidur 2, doa untuk dapat bangun daripada tidur pada masa yang dimahukan 1, doa apabila melihat kanak-kanak bersin 1, doa selepas upacara pengkebumian 1 dan lafaz niat berpuasa 1. Namun, berdasarkan Jadual 4.40 halaman 139, hasil analisis mendapati bahawa penggunaan bahasa Jawa bentuk krama inggil (ki) amat sedikit, iaitu sebanyak 3.3% dan bentuk krama (k) sebanyak 16.3% sahaja. Setelah kajian dibuat, apa yang berlaku ialah sebilangan besar ungkapan dapatan diungkapkan menggunakan bahasa Jawa bentuk krama-ngoko (k, ng) sebanyak 54.3% dan bentuk ngoko

(ng) sebanyak 96.7%, diikuti bahasa-bahasa lain sebanyak 22.8% dan bahasa Melayu (m) sebanyak 13%.


Bagaimanapun pantun pertama yang terdapat dalam Jadual 4.10 halaman 107 menunjukkan sebilangan besar perkataan dalam setiap rangkapnya menggunakan bahasa Jawa bentuk krama (k).

Doa dan lafaz niat pula banyak menggunakan bahasa Jawa bentuk krama-ngoko (k, ng) dan bentuk ngoko (ng), sebagaimana yang ditunjukkan dalam Jadual 4.11 dan 4.12 halaman 112 dan 114. Secara keseluruhannya, penguasaan dan penggunaan bahasa Jawa dalam bahasa kiasan berserta doa dan lafaz niat dapat dijelaskan berdasarkan Rajah 4.14 berikut.



### (iii) Penguasaan dan Penggunaan Bahasa Jawa dalam Ayat

Pada keseluruhannya, hasil kajian mendapati bahawa penggunaan bahasa Jawa bentuk krama inggil (ki) dan krama (k) dalam kategori ayat masih membanggakan. Hasil kajian ini dapat dilihat melalui Jadual 4.18, halaman 121 yang menunjukkan penggunaan bentuk krama (k) sebanyak 38, diikuti dengan bentuk krama inggil (ki), 9. Daripada jumlah ini, ayat tanya dan ayat penyata masing-masing mempamerkan dapatan bahasa krama (k) yang tinggi, iaitu sebanyak 14 dan 13. Rajah 4.15 berikut memberi gambaran yang jelas akan fenomena yang berlaku.



Berdasarkan analisis ke atas kesemua ayat, terdapat beberapa ayat yang kerap digunakan oleh informan. Kebanyakan informan daripada GI, GII dan GIII faham dan tahu menggunakannya, malah kerap menuturkannya. Ayat-ayat tersebut ialah:

- (i) “*Kabaré apa?*” [Apa khabar?]
- (ii) “*Sampéyan mboten nedhi?*” [Tuan/Puan/Saudara/Saudari/Awak tidak makan?]
- (iii) “*Sampéyan yogané pinten?*” [Berapakah anak awak/tuan/puan?]
- (iv) “*Sampéyan yogané sinten?*” [Awak/Kamu anak siapa?]
- (v) “*Sampéyan kerjané teng pundi?*” [Tuan/Puan/Saudara/Saudari/Awak bekerja di mana?]
- (vi) “*Kok inggal-inggal mawon?*” [Kenapa cepat sangat?]  
[Tergesa-gesa nampaknya?]
- (vii) “*Inggal-inggal wangsul?*” [Cepatnya hendak balik?]

Ayat penyata yang kerap digunakan pula ialah:

- (i) “*Kula wilujeng.*” [Saya sihat.]
- (ii) “*Kula ajeng teng peken.*” [Saya hendak ke pasar/pekan.]
- (iii) “*Empun dangu.*” [Sudah lama.]
- (iv) “*Empun tuwuk.*” [Sudah kenyang.]
- (v) “*Kula ajeng wangsul inggih.*” [Saya hendak balik dulu ya.]
- (vi) “*Empun dalu.*” [Sudah senja/malam/lewat.]
- (vii) “*Sampun telas.*” [Sudah habis.]
- (viii) “*Mboten ènten.*” [Tidak ada.]
- (ix) “*Taksih bênter.*” [Masih panas.]
- (x) “*Ajeng tumbas sayur, gendis lan ulam.*” [Hendak beli sayur, gula dan ikan.]
- (xi) “*Ajeng teng mriku.*” [Hendak ke sana.]

#### (iv) Penguasaan dan Penggunaan Bahasa Jawa dalam Perbendaharaan Kata

Jadual 4.41 berikut dan Rajah 4.16 halaman 157 menjelaskan gambaran fenomena penggunaan bahasa Jawa di kawasan kajian dewasa ini berdasarkan analisis daripada dapatan dalam kategori perbendaharaan kata.

**Jadual 4.41 Frekuensi penggunaan bahasa Jawa oleh setiap generasi berdasarkan perbendaharaan kata**

GENERASI	PENGUNAAN BAHASA									
	(ki)		(k)		(k, ng)		(ng)		(m)	
	F	%	F	%	F	%	F	%	F	%
<b>GI (&gt; 61 tahun)</b>	47	<b>12.1</b>	100	<b>25.8</b>	143	<b>37</b>	92	<b>23.8</b>	5	<b>1.3</b>
<b>GII (46 – 60 tahun)</b>	26	<b>6.7</b>	52	<b>13.4</b>	135	<b>34.9</b>	156	<b>40.3</b>	18	<b>4.7</b>
<b>GIII (31 – 45 tahun)</b>	9	<b>2.3</b>	24	<b>6.2</b>	132	<b>34.1</b>	196	<b>50.7</b>	26	<b>6.7</b>
<b>GIV (15 – 30 tahun)</b>	5	<b>1.3</b>	10	<b>2.6</b>	119	<b>30.7</b>	183	<b>47.3</b>	70	<b>18.1</b>

Pada keseluruhannya, antara perkataan bahasa Jawa bentuk krama (k) yang masih kerap dituturkan dalam kalangan generasi yang berumur lingkungan 15 hingga 30 tahun ialah:

*kula* bermaksud [saya], [aku] atau [beta] ialah kata ganti nama diri pertama.


*inggih* bermaksud [ya]

*mboten* bermaksud [tidak]

*mangga* bermaksud [naik], [silakan], [jemputlah] atau [sudikanlah] ialah perkataan yang termasuk dalam kategori jemputan atau pelawaan.

*wangsul* bermaksud [balik] atau [memohon diri] ialah perkataan kata kerja.

*kathah* bermaksud [banyak]



Berdasarkan Rajah 4.16 halaman 157 tersebut, bentuk krama-ngoko (k, ng) pula dijangkakan akan mengisi tempat penggunaan bahasa Jawa bentuk krama inggil (ki) dan krama (k). Merujuk *Kamus Bausastra Jawa-Indonesia* (1980), Jilid 1 dan Jilid 2, *Kamus Lengkap Bahasa Jawa* (2006 & 2008) dan *Kamus Unggah-ungguh Basa Jawa* (2001), kebanyakan istilah tertentu terutama kata nama (kn) tergolong dalam tatatingkat bahasa bentuk krama-ngoko (k, ng).

### **(b) Pola Bahasa di Kawasan Kajian**


Kajian menunjukkan bahawa pola bahasa masyarakat di kampung kajian memperlihatkan penggunaan dua bahasa yang dominan, iaitu bahasa Jawa dan bahasa Melayu, walaupun ada sebilangan kecil penduduk kampung kajian ini berketurunan Bugis atau Banjar. Berdasarkan kajian, penggunaan bahasa Jawa di kawasan kajian diwarnai dengan empat tatatingkat bahasanya yang terdiri daripada krama inggil (ki), krama (k), krama-ngoko (k, ng), ngoko (ng). Manakala domain utamanya ialah domain rumah atau domain keluarga.

Pada keseluruhannya, pola bahasa di kawasan kajian dapat digambarkan melalui Jadual 4.42 dan Rajah 4.17 halaman 159 serta Rajah 4.18 halaman 160 berikut. Jadual dan rajah-rajab ini menjelaskan pola bahasa yang dapat dibina hasil daripada kajian dan analisis yang telah dijalankan berasaskan dapatan dalam kategori perbendaharaan kata yang melibatkan kesemua generasi. Sebagaimana kajian ke atas bahasa Mah Meri (2006) yang menggunakan kaedah linguistik lapangan huluan (Asmah Haji Omar, 2001) yang mengutamakan pendekatan etnografi, induktif dan kualitatif, namun sebarang pertimbangan kuantitatif, ini hanya terdapat pada penghitungan perbendaharaan kata bahasa Jawa dan dilihat dari segi

peratusannya sahaja. Oleh kerana dapatan bagi kategori perbendaharaan kata ini diperoleh dalam kuantiti yang besar, maka untuk meringkaskannya kaedah statistik deskriptif digunakan agar penghuraiannya lebih mudah difahami. Kaedah mengukur kecenderungan memusat, iaitu median atau titik tengah juga digunakan (Azizi Yahaya et al., 2006).


**Jadual 4.42 Peratus penggunaan dan penguasaan bahasa Masyarakat di kawasan kajian secara keseluruhan**

BENTUK BAHASA	JUMLAH KESELURUHAN atau PURATA (MEDIAN)	PERATUS
krama inggi (ki)	74	12.5
krama (k)	133	22.4
krama-ngoko (k, ng)	132	22.2
ngoko (ng)	148	25.0
Melayu (m)	106	17.9



**Rajah 4.17 Penggunaan dan penguasaan bahasa masyarakat di kawasan kajian secara keseluruhan.**

Berdasarkan butiran di dalam Jadual 4.41 di halaman 156, berikut dipaparkan Rajah 4.18 halaman 160 bagi menggambarkan pola penggunaan dan penguasaan bahasa Jawa dan bahasa Melayu (m) bagi setiap generasi di kawasan kajian.



Secara umumnya, gambaran penggunaan bahasa Jawa di kawasan kajian yang dipaparkan melalui Rajah 4.17 halaman 159 dan Rajah 4.18 di atas memberi satu pengertian bahawa bahasa Jawa pada masa hadapan akan mengalami fenomena penggunaan bahasa yang dianggap merugikan khusus kepada penutur asal bahasa Jawa itu sendiri apabila GIII mengambil alih menjadi GI dan GIV pula menambil alih menjadi GII. Antara fenomena yang akan mendominasi penggunaan bahasa Jawa ini ialah fenomena “pergeseran dan kemerosotan” penggunaan bahasa Jawa, fenomena peralihan dan fenomena percampuran

kod. Fenomena pengekalan bahasa Jawa mungkin tidak akan berlaku disebabkan andaian bahawa apabila GIII mengambil alih menjadi GI dan GIV pula menambil alih menjadi GII, ini memungkinkan kebarangkalian bahasa Melayu akan mengambil alih tempat bahasa Jawa, terutama sebagai *lingua franca* di kawasan kajian adalah tinggi. Andaian ini dibuat berdasarkan Rajah 4.18 halaman 160 yang menunjukkan peratus penggunaan dan penguasaan bahasa Melayu (m) oleh GIV ialah sebanyak 18.1% dan ngoko (ng) sebanyak 47.3%, sedangkan penggunaan dan penguasaan bahasa krama inggil (ki) hanya sebanyak 1.3% dan krama (k) sebanyak 2.6%.

Justifikasi tersebut dibuat dengan mengambil kira tahap usia dan kumpulan generasi yang dibentuk untuk kajian ini. Rajah 4.17 halaman 159 juga menunjukkan peratusan yang tidak jauh bezanya antara bahasa yang digunakan. Rajah 4.18 halaman 160 pula dengan jelas menunjukkan bahawa GIII dan GIV lebih cenderung menggunakan bahasa Jawa bentuk ngoko (ng) dan bentuk krama-ngoko (k, ng), diikuti oleh penggunaan bahasa Melayu. Jadi, apabila GIII beralih menjadi GI, pasti pola rajah penggunaan dan penguasaan bahasa ini berubah. Berkemungkinan peratus penggunaan bahasa Jawa ngoko (ng) dan krama-ngoko (k, ng) serta bahasa Melayu (m) jauh lebih tinggi berbanding bahasa Jawa bentuk lain. Malah, merujuk Rajah 4.13 di halaman 150, berkemungkinan ungkapan *badhan* terutama ungkapan yang digunakan oleh golongan GI dan GII sekarang ini, tidak akan digunakan lagi oleh mana-mana generasi pada waktu itu.

### **(c) Fenomena Penggunaan Bahasa Jawa di Kawasan Kajian**

Kajian menunjukkan bahawa penggunaan bahasa Jawa bentuk krama (k) mengalami fenomena kemerosotan atau penyusutan yang begitu ketara berlaku dalam kalangan masyarakat lingkungan umur 15 hingga 50 tahun. Fenomena ini juga boleh digambarkan seperti berlakunya fenomena peralihan bahasa disebabkan penuturnya dikatakan kurang mahir bertutur dalam bahasa Jawa sedangkan bahasa ini adalah bahasa ibunda mereka. Malahan, frekuensi mereka tidak tahu sama sekali bertutur bahasa Jawa bentuk krama (k) juga adalah tinggi.

Persoalannya, siapakah penutur bahasa Jawa bentuk krama yang sebenar dewasa ini? Mengapakah fenomena sedemikian boleh berlaku ke atas penggunanya? Mengapakah berlaku kemerosotan penggunaannya, sedangkan bahasa ini dikatakan satu bahasa yang dianggap mempunyai ciri-ciri nilai murni yang tinggi? Dan sudah pasti ia memiliki ciri-ciri maksim kesopanan (Leech, 1993:206; Wijaya, 1995:71-72). Malahan pada dasarnya pengguna bahasa ini dikatakan memiliki ciri-ciri budaya dan nilai kesusasteraan yang amat tinggi, namun mengapakah kesemuanya ini boleh terabai tanpa disedari oleh pengguna bahasa itu sendiri. Dalam hal ini, berkemungkinan penutur asal bahasa Jawa bentuk krama ini sedar akan fenomena kemerosotan penggunaan bahasa mereka tetapi tidak dapat berbuat apa-apa kerana kelompok mereka yang kecil bilangannya. Bilangan yang kecil ini menyebabkan entiti penggunaannya juga kecil. Situasi seperti ini semakin sukar dan lebih kritikal apabila penutur bahasa Jawa bentuk ngoko (ng) sentiasa menunjukkan bacaan yang tinggi dalam setiap rajah yang dibina, umpamanya Rajah 4.9, 4.11, 4.13, 4.14, 4.16, 4.17 dan 4.18 (halaman 146, 147, 150, 153, 157, 159 dan 160), selain faktor yang menjadi penggalak kepada berlakunya fenomena kemerosotan penggunaan bahasa Jawa bentuk krama (k).

**(d) Faktor Berlakunya Fenomena Pergeseran dan Kemerosotan Penggunaan Bahasa Jawa di Kawasan Kajian**

Kajian mendapati bahawa, fenomena “pergeseran dan kemerosotan” yang berlaku di kawasan kajian menunjukkan pengetahuan atau kemahiran berbahasa informan adalah tidak sama oleh setiap generasi. Situasi ini dikesan apabila setiap suku kata dalam sesuatu perkataan itu tidak disebut kesemuanya. Penyebutan sesuatu perkataan itu menjadi ringkas. Dengan erti kata lain, pengetahuan dan kemahiran penutur menyusut atau berkurangan yang akhirnya menyebabkan berlakunya peralihan dan percampuran kod, sebagaimana yang dinyatakan oleh Lieberson dalam Fasold, 1984, iaitu dasar yang menjadi ukuran di sini ialah jika komuniti bahasa menggunakan “bahasa baru” dalam domain-domain yang dahulunya dikhaskan untuk bahasa lama (bahasa ibunda), maka itulah tandanya peralihan sedang berlaku. Kenyataan ini memang ada kebenarannya kerana suatu masa dahulu bahasa Melayu hanya dituturkan di luar rumah untuk berinteraksi dengan orang luar atau ketika berada di sekolah atau di majlis-majlis tertentu yang melibatkan orang luar.

Hasil kaji selidik mendapati bahawa hanya generasi lingkungan umur 50 tahun ke atas yang masih memiliki kemahiran bertutur dalam bahasa Jawa bentuk krama (k) ini. Dengan sebab itu, penggunaannya amatlah terbatas, iaitu hanya dalam lingkungan orang-orang tertentu dan dalam domain atau situasi tertentu sahaja. Hal inilah yang menjadi punca utama mengapa berlakunya kemerosotan penggunaan ke atas bahasa Jawa bentuk krama (k).

Pada masa yang sama, bahasa Jawa bentuk ngoko (ng) juga tidak terkecuali daripada mengalami fenomena yang sama, malah bahasa ini telah mengalami banyak percampuran kod dengan bahasa Malaysia atau bahasa Melayu ataupun percampuran kod dengan bahasa

Inggeris atau dialek lain. Percampuran kod ini dapat dilihat melalui contoh ayat daripada penutur GIV yang bertukar-tukar informasi melalui e-mail bersama penyelidik ketika penyelidik menghubungi informan untuk mendapatkan kembali borang soal selidik:

(i) E-mail dihantar:

*“Lo! Kowe kok kaya ngono, kaya Icam jugak, senyep wae.... Icam! Kowe nang ndi saiki? Ojo gelendem wae to. Didelok-delok borange yo....”*

Bermaksud:

[Aduh! Kenapa kau jadi macam tu, sama seperti Icam, menyepi je.... Icam! Kau di mana sekarang? Jangan buat tak tau sahaja. Cubalah ditengok-tengok borangnya ya....]

(ii) E-mail jawapan

*“He...hhe...he...aku roso gelihati banget...kok kue still remember word gelendem... padha karo ngelemer yo...melempem...Icam sibuk karo bochah-bochahlah... orak eneng time arek ngisi borangmu...sok bodho agak aa... Bodho iki aku bodho neng KL diseck. Ora sure lah kepethok opo ora....”*

Bermaksud:

[Hehe...aku rasa sangat gelihati sebab kau masih ingat perkataan “gelendem” (buat bodoh) tu...sama seperti “ngelemer” (lambat/lembap) ya... “melempem” (lemau)... Icam sibuk dengan budak-budaklah (anak-anaknya)...tidak ada masa hendak mengisi borangnya....nanti hari raya aku beraya di KL dulu. Tak pasti kita boleh jumpa atau tidak....]

Di samping itu, terdapat juga berlakunya percampuran kod dalam aktiviti harian yang melibatkan pembinaan jenis ayat penyata. Contoh-contoh ayat berikut diperolehi ketika penyelidik menemu bual informan kerana informan telah menyingkap beberapa peristiwa dan pengalaman mereka yang melibatkan penggunaan bahasa lain ke dalam bahasa Jawa, antaranya adalah seperti berikut:

(i) “Padel basikalku wis rusak.”

*Bermaksud:* [Pengayuh basikal saya sudah rosak.]

Perkataan “padel” yang bermaksud pengayuh basikal adalah antara bentuk kata pinjaman daripada bahasa Inggeris, iaitu “*paddle*”, yang telah diserap ke dalam bahasa Jawa. Contoh perkataan bahasa Inggeris lain yang telah diserap ke dalam bahasa Jawa dan telah digunakan oleh semua generasi ialah:

- (i) padel = *paddle* (pengayuh untuk basikal)
- (ii) handel = *handle* (pemegang untuk basikal)
- (iii) trabas = *traverse* (rentas)
- (iv) gate = *gate* (pintu pagar)
- (v) D.O. = *District Officer* (Pegawai Daerah)
- (vi) A.D.O. = *Assistant District Officer* (Penolong Pegawai Daerah)
- (vii) gostan = *gostan* (undur ke belakang: rujukan, *Kamus Dewan*, 1986)
- (viii) broning = *pruning* (bunyi [p] telah bertukar kepada bunyi [b] dan [u] bertukar kepada bunyi [o] yang bermaksud mencantas atau membuat cantasan, biasanya cantasan dibuat ke atas dahan pokok kelapa sawit)
- (ix) D.I.D. = *Department of Irrigation and Drainage* atau Jabatan Parit dan Saliran (J.P.S.) atau dahulunya dikenali sebagai Jabatan Parit dan Tali Air. Masyarakat kampung lebih gemar menggunakan singkatan D.I.D. daripada J.P.S. yang merujuk kepada para pekerja yang melakukan kerja-kerja pembersihan parit di kampung-kampung suatu masa dahulu.

Selain itu, fenomena kemerosotan penggunaan juga dilihat dari sudut penyusutan atau pengurangan sukukata yang berlaku terutama dalam kalangan generasi yang berusia 50 tahun ke bawah. Contoh ayat:

- (i) “*Kowé arep menyang ngendi?*” (bentuk ngoko (ng) sebenar)
- (ii) “*Kowé arep nyang ndi?*” (bentuk ngoko (ng) masa kini di kawasan kajian)
- (iii) “*Kowé arep nang di?*” (bentuk ngoko (ng) masa kini di kawasan kajian terutama kumpulan penutur GIV ke bawah)

Bermaksud: [Tuan/Puan/Saudara/Saudari/Awak hendak ke mana?]

Perkataan *menyang* yang mengandungi dua suukata, hanya tinggal satu suukata, iaitu *nyang*. Pengurangan suukata ini berlaku kepada perkataan *ngendi* yang hanya tinggal *ndi* dalam pertuturan generasi terbabit. Malah perkataan *nyang ndi* ini pun telah mengalami perubahan kepada sebutan lebih ringkas dan mudah, iaitu *nang di* tanpa perlu menekankan bunyi [ny].

Selain itu, penggunaan kata sendi (ks) *teng* juga adalah gambaran berlakunya fenomena kemerosotan bahasa Jawa di kawasan kajian. *Teng* adalah singkatan bagi perkataan *dhateng* yang bermaksud [ke]. Dalam bahasa Jawa, *teng* atau *dhateng* berada pada tatatingkat krama (k). Dari segi praktiknya, masyarakat di kawasan kajian lebih cenderung menggunakan *teng* berbanding *dhateng*, yang akhirnya beralih pula kepada gaya pertuturan bentuk bahasa Jawa ngoko (ng), menjadi *nyang* atau *nang* sebagaimana penerangan sebelum ini. Contoh lain yang mengejutkan ialah apabila tercetusnya satu ayat daripada informan GI, iaitu:

- (i) “*Nga teng inggil.*”

Bermaksud: [Sila/Jemput naik ke atas.]

Keseluruhan ayat yang tergolong dalam kategori ayat silaan atau pelawaan ini adalah berada pada tatatingkat bahasa Jawa bentuk krama (k). *Nga* bermaksud [sila] atau [jemput] adalah singkatan daripada perkataan *mangga* (k), *teng* bermaksud [ke] adalah singkatan daripada

perkataan *dhateng* (k), dan *inggil* (k) bermaksud [tinggi] atas [atas]. Namun kini, penggunaannya pada peringkat GIII dan GIV, malah GII sekalipun, ayat ini telah bertukar kepada bahasa Jawa bentuk ngoko (ng) dan menjadi lebih ringkas lagi tetapi dalam bentuk jamak, iaitu:

(i) “*Munggah-munggah.*”

Bermaksud: [Sila/Jemput naik.]

Ayat lengkap bagi kedua-dua contoh ayat bahasa Jawa di atas ialah:

(i) “*Mangga dhateng inggil.*” atau

(ii) “*Mangga teng inggil.*”

Setakat ini, kajian berkenaan bahasa Jawa bentuk krama (k) masih belum mendapat tempat yang meluas dalam kalangan penyelidik bahasa. Bagaimanapun, kajian oleh Noriah Mohamed (2001) mencakupi serba sedikit bidang bahasa, kesusasteraan, wira dan tokoh serta hubungan kesusasteraan Jawa dan Melayu. Dengan sebab itu, fokus utama kajian ini akan menumpu kepada kemerosotan penggunaan bahasa Jawa yang dikatakan mempunyai unsur krama di dua buah perkampungan masyarakat Melayu-Jawa, iaitu di Kampung Parit Baru dan Kampung Parit Lapis Baru, di kawasan Parit Raja dalam Daerah Batu Pahat.

Istilah Melayu-Jawa digunakan dengan alasan bahawa tidak ada perbezaan di antara mereka, meskipun dikatakan orang Melayu bertutur bahasa Melayu dan orang Jawa hanya bertutur bahasa Jawa. Hakikatnya, mereka adalah satu masyarakat yang sama yang mengamalkan budaya hidup dan agama yang sama, iaitu agama Islam.

Oleh kerana situasi yang sedemikian, maka mereka juga boleh dikatakan sebagai masyarakat penutur asli bagi kedua-dua bahasa tersebut. Kedwibahasaan berlaku apabila penutur-penutur natif menguasai dua bahasa pada tahap yang sama (Bloomfield, 1933). Kedwibahasaan ini meliputi keadaan seseorang yang berupaya “menghasilkan ayat-ayat yang bermakna” dalam kedua-dua bahasa (Haugen, 1953).

Selain itu, terdapat sebilangan masyarakat di kawasan kajian menggunakan lebih daripada dua bahasa. Mereka bukan sahaja bertutur dalam bahasa Jawa dan Melayu, tetapi kerana sebilangan daripada mereka berasal daripada keturunan Banjar dan Bugis. Bahasa ibunda mereka ialah bahasa Banjar atau bahasa Bugis. Namun, dalam pertuturan mereka terutama dengan masyarakat kampung, mereka akan menggunakan bahasa Jawa. Apabila bertutur dengan anak-anak dan cucu mereka akan mempraktikkan pula bahasa Melayu.

Fenomena tersebut hampir sama dengan fenomena yang berlaku ke atas bangsa dan bahasa Arab di Maghribi. Bangsa Arab di Maghribi telah mengalami suatu proses pertembungan budaya akibat pengaruh bahasa Perancis yang begitu kuat terutama dalam bidang pendidikan. Semasa proses pertembungan dan penyerapan inilah, fenomena peralihan dan kemerosotan bahasa Arab berlaku dalam kalangan penutur bahasanya (Moha Ennaji, 1992).

Fenomena yang sama berlaku dalam kalangan masyarakat penutur bahasa Kristang di Melaka (Saadiah Ma’alip, 2001) dan masyarakat penutur bahasa Miriek di Miri, Sarawak (Bibi Aminah Abdul Ghani dan Abang Ahmad Ridzuan, 1993). Kini, kedua-dua bahasa ini telah mengalami kemerosotan disebabkan komuniti daripada generasi baru lebih gemar menggunakan bahasa Inggeris atau bahasa Melayu untuk berinteraksi dengan masyarakat

sekeliling mereka. Berdasarkan kajian, kedua-dua bahasa ini hanya dituturkan oleh kumpulan masyarakat yang berumur lingkungan 50 tahun ke atas. Bagaimanapun, ada ketikanya mereka juga lebih gemar menggunakan bahasa Melayu apabila bertutur terutama dengan cucu, anak-anak dan ahli keluarga masing-masing.

Hasil kajian mendapati bahawa fenomena peralihan dan kemerosotan penggunaan bahasa ini berlaku begitu ketara dalam kalangan masyarakat di kawasan kajian. Sekurang-kurangnya mereka menggunakan dua variasi bahasa Jawa, iaitu bahasa Jawa bentuk ngoko (bahasa Jawa kasar atau bahasa Jawa basahan) dan bahasa Jawa bentuk krama atau lebih dikenali dengan sebutan bahasa Jawa halus (*basa*). Dalam pertuturan harian sama ada dengan ahli keluarga atau masyarakat sekeliling, mereka juga menggunakan bahasa Melayu atau bahasa ibunda masing-masing seperti bahasa Banjar atau Bugis.

Faktor lain yang dianggap sebagai penyumbang kepada berlakunya fenomena kemerosotan penggunaan bahasa Jawa dalam kalangan masyarakat di kawasan kajian ialah:

- (i) Status Bahasa Malaysia (bahasa Melayu)
- (ii) Sistem Pendidikan Negara
- (iii) Perkahwinan Campur
- (iv) Kedwibahasaan

### **(i) Status Bahasa Malaysia**

Allahyarham Tunku Abdul Rahman (1971) menyatakan bahawa “Adalah wajar bahawa sebagai satu negara membangun, kita memerlukan satu bahasa kepunyaan sendiri. Jika bahasa kebangsaan tidak diadakan, negara kita akan ketiadaan nyawa.”

Status bahasa Malaysia sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi yang termaktub di dalam Perkara 152 Perlembagaan Malaysia Akta Bahasa Kebangsaan mentakrifkan bahasa kebangsaan sebagai mempunyai fungsi-fungsi komunikatif yang tertentu, iaitu:

- Menjadi lambang identiti atau citra negara yang dibuktikan dengan nama-nama khas dan penggunaan bahasa di tempat awam serta penggunaan yang berstatus negara
- Menjadi wahana pemersatu warganegara Malaysia dengan konsep satu bahasa kebangsaan bagi seluruh bangsa Malaysia
- Menjadi wahana komunikasi umum (lisan dan tulisan) antara kelompok masyarakat

Status bahasa Malaysia sebagai bahasa rasmi pula ditakrifkan sebagai bahasa komunikasi lisan dan tulisan yang digunakan bagi semua maksud rasmi kerajaan, iaitu bagi maksud fungsi komunikatif berikut:

- Komunikasi antara sesama jabatan sektor awam
- Komunikasi antara jabatan sektor awam dengan sektor swasta, dan sebaliknya
- Komunikasi antara jabatan sektor awam dengan orang ramai, dan sebaliknya

Secara ringkas undang-undang Malaysia menetapkan perkara-perkara berikut:

- Bahasa Malaysia menjadi bahasa kebangsaan bagi negara Malaysia
- Bahasa Malaysia menjadi bahasa rasmi bagi melaksanakan maksud-maksud Kerajaan Persekutuan, Badan Berkanun, Kerajaan Negeri, dan Kerajaan Tempatan
- Rakyat Malaysia tidak dilarang menggunakan, belajar atau mengajar bahasa-bahasa lain.

Kerajaan juga telah menaikkan martabat bahasa Malaysia dari sudut sosioekonomi dengan mewajibkan lulus kepujian dalam mata pelajaran Bahasa Malaysia kini Bahasa Melayu kepada penjawat-penjawat awam bagi tujuan pengesahan jawatan dan kenaikan pangkat. Bahkan kepujian dalam mata pelajaran Bahasa Melayu juga menjadi antara syarat wajib untuk diterima masuk melanjutkan pelajaran di mana-mana pusat pengajian tinggi, sama ada awam (IPTA) mahupun swasta (IPTS).

## (ii) Sistem Pendidikan Negara

Laporan Razak (1955) dan Laporan Rahman Talib (1961), kedua-duanya menjadi asas Akta Pelajaran 1961, yang di dalam mukadimahnya menyatakan semula tujuan dasar pendidikan kebangsaan, iaitu untuk membina sistem pendidikan kebangsaan yang akan memenuhi keperluan negara dan menggalakkan pembangunan budaya, sosial, ekonomi dan politik ... termasuklah peruntukan perkembangan sistem pendidikan yang progresif yang menggunakan bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantar utama.

Di samping itu, di bawah **Rancangan Malaysia Ketiga** (1976-80, 1976:397) menegaskan bahawa walaupun kerajaan akan mempergiatkan pelaksanaan pengajaran bahasa Melayu,

langkah-langkah akan diambil untuk memastikan bahasa Inggeris diajar sebagai bahasa kedua. Ini penting untuk membolehkan Malaysia mengikuti perkembangan sains dan teknologi di dunia dan menyertai perdagangan dan perniagaan antarabangsa dengan bermakna (Asiah Abu Samah, 1999).

Justeru, pendidikan negara menjadi antara penyumbang kepada berlakunya fenomena kemerosotan penggunaan bahasa Jawa. Bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar di sekolah-sekolah dan di institusi pengajian tinggi awam (IPTA) memberi impak yang begitu tinggi. Apatah lagi jika Sistem Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris di sekolah tetap terus dilaksanakan.

### **(iii) Perkahwinan Campur**

Kahwin campur yang dimaksudkan ialah perkahwinan di antara masyarakat Jawa (dari dalam kawasan kajian) dengan orang luar (dari daerah atau negeri lain) yang bahasa ibunda mereka bukan bahasa Jawa atau bahasa Jawa sebagai bahasa pertuturan harian mereka, umpamanya bangsa Melayu, Banjar, Bugis, atau bangsa bukan bumiputera seperti Cina, India dan juga warga asing seperti dari negara jiran dari Indonesia dan Singapura.

Oleh sebab itu, kehadiran anak menantu yang berasal dari luar kawasan kajian ini menjadi antara faktor penggalak yang kuat berlakunya fenomena kemerosotan dan perpindahan kod, apatah lagi jika anak menantu tersebut bukan dari kalangan mereka yang menggunakan bahasa atau dialek yang sama. Malah, generasi yang lahir daripada perkahwinan campur inilah sebenarnya yang telah mewujudkan satu komuniti generasi baru yang lebih gemar bertutur dalam bahasa Melayu, bahasa Inggeris atau bertutur mengikut bahasa induk mereka.

Selain itu, kini telahpun wujud satu situasi yang memperlihatkan penggunaan bahasa yang bercampur-campur antara bahasa Jawa dan bahasa lain dan tidak lengkap sukukatanya hingga menjadi seolah-olah bahasa “rojak” dan berlakunya percampuran kod seperti contoh ayat di halaman 164 yang dipetik daripada penutur generasi empat (GIV) ketika bertukar-tukar informasi melalui e-mail.

Oleh yang demikian, perkahwinan campur merupakan antara faktor penyumbang berlakunya fenomena kemerosotan penggunaan bahasa Jawa. Sama ada ibu atau bapa mereka yang mempunyai pengetahuan bertutur dalam bahasa Jawa, namun mereka tidak pernah menurunkannya kepada anak-anak mereka. Sebilangan besar daripada mereka memberi alasan yang hampir sama, iaitu keselesaan. Keselesaan di sini bermaksud bahawa semua ahli keluarga memahami apa yang dituturkan.

#### **(iv) Kedwibahasaan**

Kedwibahasaan atau bilingual dalam sesebuah komuniti sering dikatakan sebagai antara penyebab berlakunya fenomena pergeseran dan kemerosotan. Dalam situasi sebegini, biasanya bahasa yang lebih dominan fungsinya akan mengambil alih fungsi bahasa yang kurang dominan. Namun, proses ini berlaku secara perlahan-lahan atau secara evolusi.

Kedwibahasaan bahkan ketribahasaan ini berlaku ke atas pelajar Malaysia di Ohio (Gaudart, 1985). Begitu juga pola bahasa penduduk di kawasan kajian. Di kawasan kajian, sekurang-kurangnya ada lima pola kedwibahasaan dan ketribahasaan yang dapat dikenal pasti dalam kalangan informan khususnya dan masyarakat di kampung kajian amnya, iaitu:

- Pola 1: krama, krama, ngoko
- Pola 2: krama, ngoko, ngoko
- Pola 3: ngoko, ngoko, melayu
- Pola 4: ngoko, melayu, melayu
- Pola 5: ngoko, melayu, inggeris

Pola-pola di atas adalah rumusan daripada analisis-analisis yang diperolehi daripada dapatan kajian yang terdiri daripada ungkapan memohon maaf, bahasa kiasan berserta doa dan lafaz niat, ayat dan perbendaharaan kata, di samping soalan-soalan yang dikemukakan kepada informan di Lampiran 7. Berdasarkan Rajah 4.4 halaman 95, Rajah 4.6, 4.7, 4.8, 4.9 dan 4.10 masing-masing di halaman 143, 144 dan 146, Rajah 4.13 halaman 150, Rajah 4.14 dan Rajah 4.15 halaman 153 dan 154, Rajah 4.16 halaman 157, serta Rajah 4.17 dan Rajah 4.18 halaman 159 dan 160 adalah jelas menunjukkan kecenderungan masyarakat di kawasan kajian menggunakan bahasa Jawa bentuk ngoko (ng) dan bahasa Melayu (m).

Empat pola, iaitu pola 1, 2, 3 dan 4 adalah didasarkan kepada penggunaan bahasa informan apabila berkomunikasi dengan orang kampung atau masyarakat kampung, dengan ahli keluarga dan dengan rakan sebaya, sebagaimana butirannya yang berikut:

#### Pola 1 (khusus untuk GI)

- krama: bertutur dengan orang kampung
- krama: bertutur dengan rakan sebaya atau yang kurang intim
- ngoko: bertutur dengan ahli keluarga

#### Pola 2 (khusus untuk GII)

- krama: bertutur dengan orang tua-tua atau orang yang lebih tua
- ngoko: bertutur dengan orang kampung
- ngoko: bertutur dengan ahli keluarga

#### Pola 3 (khusus untuk GIII)

- ngoko: bertutur dengan orang kampung
- ngoko: bertutur dengan ahli keluarga dan rakan sebaya
- Melayu: bertutur dengan ahli keluarga dan rakan sebaya

#### Pola 4 (khusus untuk GIV)

- ngoko: bertutur dengan orang kampung
- Melayu: bertutur dengan ahli keluarga, rakan sebaya dan orang kampung
- Melayu: bertutur dengan ahli keluarga dan rakan sebaya

Sementara itu, Pola 5 terbentuk hasil daripada wujudnya komunikasi antara anak-anak di kampung kajian yang berpendidikan formal dan bekerja di sektor kerajaan atau swasta. Dengan sebab itu, pola pertuturan mereka adalah seperti berikut:

- ngoko: bertutur dengan orang kampung dan masyarakat
- Melayu: bertutur dengan ahli keluarga, orang kampung dan masyarakat
- bahasa Inggeris: bertutur dengan orang yang sama taraf pendidikan

Walaupun wujud fenomena seperti yang digambarkan pada Pola 5 di atas, namun masyarakat Jawa dikatakan masih cuba mengekalkan tatacara yang diwarisi daripada leluhur

mereka, tetapi dalam bentuk yang sedikit berbeza kerana pembauran yang sudah sebat dengan masyarakat tempatan. Kadangkala amat sukar untuk menunjukkan kejawaan seseorang daripada segi luaran kerana masyarakat keturunan Jawa ini terutama generasi mudanya sudah kurang menuturkan bahasa Jawa. Mereka hanya dikenali melalui nama atau berdasarkan tempat tinggal mereka (Noriah Mohamed, 2001).

Menurut Noriah Mohamed (2009), di Johor kebanyakan orang Jawa tidak lagi bertutur sepenuhnya dalam bahasa Jawa. Kebanyakan mereka sudah menjadi masyarakat dwibahasa, malah kini mereka juga dikenali sebagai masyarakat Melayu-Jawa. Menurut Noriah,

“Masyarakat Melayu Johor ini mencakupi pelbagai etnik di dalamnya seperti Jawa, Banjar, Bugis dan Kampar. Mereka sudah mengadaptasi diri sebagai Melayu.”

(Noriah Mohamed, 2009:41)

### **4.3 Kesimpulan**

Kajian yang bersifat linguistik deskriptif berkenaan penggunaan bahasa Jawa ini menunjukkan terdapatnya beberapa dapatan yang berbeza kategori dan setiap satunya memiliki ciri-cirinya yang tersendiri. Dapatan terdiri daripada ungkapan memohon maaf (*badhan*), bahasa kiasan, ungkapan doa dan lafaz niat. Dapatan yang diperolehi juga meliputi ayat dan perbendaharaan kata. Ungkapan memohon maaf diperolehi daripada kesemua peringkat generasi, iaitu GI, GII, GIII dan GIV. Bahasa kiasan terdiri daripada peribahasa, simpulan bahasa, perumpamaan dan pantun. Ayat terdiri daripada ayat sapaan, ayat silaan atau pelawaan, ayat tanya dan ayat penyata, manakala dapatan dalam kategori perbendaharaan kata terdiri daripada 16 golongan kata. Analisis menunjukkan bahawa

terdapatnya penggunaan bahasa Jawa dan variasinya di kawasan kajian. Variasi bahasa Jawa ini disebut juga tatatingkat bahasa, iaitu krama inggil (ki), krama (k), krama-ngoko (k, ng) dan ngoko (ng). Terdapat juga penggunaan bahasa-bahasa lain seperti bahasa Melayu (m), Arab (Ar), Sanskrit (S), Kawi (Kw), Jawa kuno (Jk) dan bahasa Indonesia (I). Analisis juga menunjukkan bahawa kawasan kajian sedang dan akan menghadapi fenomena penggunaan bahasa seperti fenomena “kemerosotan” dan penyusutan, peralihan dan percampuran kod. Dapat dikatakan bahawa penutur bahasa Jawa di kawasan kajian masa kini merupakan sebuah komuniti dwibahasa (*bilingual*) memandangkan penggunaan dua bahasa yang dominan, iaitu bahasa Jawa dan bahasa Melayu. Komuniti Jawa di sini telah menampakkan ciri-ciri kemelayuan, dan situasi ini menjadi petanda wujudnya masyarakat Melayu-Jawa di kawasan kajian.